



Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR
RASMI
KERAJAAN
NEGERI
BRUNEI

TAHUN 26 BILANGAN 10

RABU 11HB MACH, 1981.

رابو 5 جمادي الاول 1401

PERCHUMA



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia menerima penerangan dari Pengarah Pelajaran, Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Ahmad ketika berangkat melawat Jabatan Pelajaran Brunei.

DYMM BERANGKAT KA-DUA BUAH JABATAN LAGI

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan dalam rangka siri lawatan Baginda ka-Jabatan Kerajaan dalam sa-minggu ini telah berangkat ka-dua buah Jabatan lagi termasuk Jabatan Pelajaran yang dikunjungi pada hari Isnin lepas.

Dalam lawatan ka-jabatan itu, YAB Menteri Besar, Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin, YB. Setia Usaha Kerajaan Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Hj. Abdul Aziz, Pengerusi Majlis Pelajaran Y.B. Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr) Awg. Haji Mohd Jamil Al-Sufri, Pengarah Pelajaran, Pemangku Timbalan Pengarah Pelajaran serta lain2 pegawai kanan

pelajaran telah mengalu-alukan keberangkatan Baginda.

Satu taklimat berbong dengan perkembangan, pelaksanaan dan penadbiran Jabatan Pelajaran telah di-sampaikan oleh Pengarah Pelajaran yang kemudian-nya di-ikuti dengan keberangkatan Baginda meninjau serta memerhati sa-chara dekat kerja2 di-tiap2 bahagian jabatan.

Terdahulu dalam siri lawatan yang sama, Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah juga berangkat ka-Ibu Pejabat Pasokan Pulis Diraja Brunei di-Gadong pada hari Khamis, 5hb. Mach.

Keberangkatan Baginda telah juga di-alu2kan oleh YAB Menteri Besar, YB Setia Usaha Kerajaan, Pe-

Lihat muka 26

DBP akan terbitkan 12 buah buku baru

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei di-jangka akan menerbitkan sa-banyak dua belas buah tajok buku2 sa-panjang tahun ini yang di-sesuaikan untuk di-jadikan buku2 teks sekolah2 dan maktab2 di-seluruh negeri.

Bagaimana pun, jabatan berkenaan telah menerbitkan lebih 140 buah tajok buku2 sejak ia-nya di-

tubuhkan 18 tahun lalu. Dan ini merupakan satu kejayaan Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei kerana telah dapat mengusahakan penerbitan buku2 tersebut jika di-bandingkan dengan tenaga kerja yang ada dalam jangka masa yang di-ambil.

Demikian menurut Pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Pg Badaruddin bin Pg Ghani

ketika memberi taklimat kepada Pengetua2 dan Guru2 Besar Sekolah2 Misi dan China pada Khamis lalu, di-Bilik Mashuarat jabatan tersebut.

Tetapi kata-nya, kebanyakan buku2 yang telah di-terbitkan itu sa-bahagian besar-nya ada-lah buku2 bacaan umum, ha-nya beberapa buah buku untuk kegunaan pelajar2 rendah dan menengah di-negeri ini sa-bagai buku2 teks terutama dalam mata pelajaran Sains dan ilmu Hisab.

Beliau menyedari bahawa buku2 terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka pada ketika ini mungkin tidak semua-nya memenohi su-

katan pelajaran di-sekolah2 berkenaan. "Tetapi insha Allah, pehak DBP akan terus berusaha menerbitkan buku2 yang bersesuaian sa-kurang2-nya akan dapat menyediakan 75 peratus dari sukatan pelajaran yang di-gunakan pada masa ini," kata-nya.

Namun demikian, beliau tetap berharap supaya lebih banyak lagi buku2 terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka akan dapat di-gunakan sa-bagai buku2 teks atau teks tambahan atau di-jadikan bahan bacaan umum oleh penuntut2 di-sekolah berkenaan.

Lihat muka 4

Di-naikkan pangkat mejar

BERAKAS KEM. — Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei telah mengumumkan kenaikan pangkat salah sa-orang daripada pegawai-nya dari pemangku mejar ka-mejar tetap.

Kenaikan pangkat ini ada-lah bagi Yang Dimuliakan Pehin Datu Bendahara Mejar Sari bin Ahmad yang kini bertugas di-Pusat Latchan AMDB, Perkhemahan Bolkliah dan ia-nya bermula pada 22hb Februari lepas.

Yang Dimuliakan Pehin

Datu Bendahara Mejar Sari sa-belum ini pernah bertugas sa-bagai Kuater Master di-Battalion Kedua AMDB.



PEMANGKU Pengarah DBP, Pengiran Badaruddin (tengah) ketika memberikan penerangan kepada Pengetua2 dan Guru2 Besar Sekolah2 Misi dan China di-perjumpaan itu.

456 lulus Sijil Am Pelajaran Singapura - Cambridge '80

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 233 orang penuntut tingkatan lima dari lima buah sekolah menengah kerajaan seluruh negeri telah berjaya lulus dengan mendapat antara tiga hingga lapan mata-pelajaran perengkat biasa dalam Peperiksaan Sijil Am Pelajaran Singapura-Cambridge 1980.

Peperiksaan tersebut yang telah di-duduki oleh 456 penuntut menunjukkan dua orang penuntut dari Sekolah Menengah Arab Hassanah Bolkliah berjaya mendapat lapan mata-pela-

jaran. Lapan orang penuntut mendapat tujuh mata-pelajaran, 15 orang mendapat enam mata-pelajaran, 44 orang mendapat lima mata-pelajaran, 64 orang mendapat empat mata-pelajaran dan 100 orang mendapat tiga mata-pelajaran.

Sementara itu sa-ramai 210 orang calon persendirian juga berjaya mendapat antara tiga hingga enam mata-pelajaran dalam peperiksaan yang sama dari jumlah 632 orang calon yang menduduki.

Lihat muka 26

Manis-nya Iman

"FIKIRAN yang baik-sana ia-lah terbaik2 dengan orang dalam perkara yang tiada meninggalkan hak." — HADITH Nabi riwayat Ad-Dilmi dari Ibnu Abbas.



Pelita Brunei

DI TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHAB
HASMI
KIRAJAN
NIGERI
BRUNEI

11HB MACH, 1981

*Dengan nama Allah yang pemurah
dan maha penyayang*

PENERBITAN BUKU2 DBP

INISIATIF Dewan Bahasa dan Pustaka yang sa-jauh ini telah berjaya menerbitkan 140 buah buku2 bacaan umum di-berbagai bidang dapat-lah kita banggakan dan ketengahkan sa-bagai unsur2 yang amat membena hasil dari jereh-payah dan pelaksanaan daya kerja yang tinggi nilai-nya oleh pegawai2 dan kaki-tangan yang bersangkutan di-dewan tersebut yang jumlah dan kelulusan yang ada pada mereka amat terbatas.

Kebanggaan itu sa-makin enak kita rasakan apabila mengetahui yang Dewan Bahasa dan Pustaka baru menjangkau usia penubuhan-nya yang ke-18 tahun. Memang-lah dalam usia yang sa-begitu muda dan beransor-ansor ka-teraf kedewasaan, maka kejayaan yang telah di-chapai dan dapat pula di-nekmati sa-bahagian besar dari hasil-nya itu, sudah tentu kecher-gasan dan kecherdasan yang di-mileki oleh usia muda itu akan terus berkembang dan menuju ka-arrah penyusunan hasil kerja yang kian membena. Tidak heran kalau DBP telah berjaya menghasilkan sa-jumlah buku2 terbitan-nya itu tadi. Mulai sekarang sedang menanti pula kejayaan berikut-nya di-mana sa-jumlah 12 buah tajuk buku akan di-terbitkan di-samping sa-jumlah 14 buah tajuk buku sedang dalam proses penerbitan.

Dari kejayaan demi kejayaan yang di-tempah itu jelas menampakkan petanda yang baik dari segi bekerja oleh pegawai2 dan kaki-tangan yang berkenaan untuk kita semua perlu mencontohi-nya, dan mulai sekarang berusaha berganding-tangan serta bahu-membahu dengan DBP dalam usaha2 yang berkebajikan itu. Kalau kejayaan yang di-tempah itu hanya di-chipta oleh pegawai2 dan kaki-tangan serta sa-bahagian dari kita terdiri dari orang2 yang kurang mempunyai kelulusan, kenapa pula sa-telah negara kita mempunyai orang2 yang berkelulusan bertaraf ijazah di-berbagai jurusan akademik tidak harus atau tidak mahu mengambil perhatian yang sama.

Mungkin ini satu chabaran kepada chandikiawan kita yang berkelulusan akademik itu? Betapa tidak! Ka-mana lagi kita hendak berpaut kalau tidak di-dahan yang tegoh, dan bertedoh di-daun yang rendah! Demikian-lah kehendak alam yang sa-mesti-nya kita chontohi, apa-tah lagi dalam masyarakat dan negara kita yang ligat ka-arrah proses pembangunan-nya di-berbagai bidang itu. Ada-lah kurang enak rasa-nya jika terus di-biarkan masyarakat kita di-timbuni inti pemikiran mereka dengan chorak dan falsafah pemikiran penulis luar negeri yang sa-lama ini sa-makin mempengaruhi dan menjadi-jadi perkembangan-nya menerusi berbagai media penulisan yang terus-menerus di-impot.

Bukan-keh di-dalam manisan itu ada hempedu yang beracun, dan di-dalam senyum ada kebencian yang bersukma. Bukan-lah erti-nya bahawa sa-tiap penulisan di-berbagai media yang kita impot itu tidak baik dan tidak bersesuaian dengan jiwa dan aspirasi masyarakat kita yang ingin membangun, tetapi dalam banyak segi penulisan itu terutama majallah2, surat2-khabar, buku2 nobel, pemikiran penulis-nya ada-lah sa-bahagian besar berorientasikan alam sekeliling masyarakat-nya sendiri.

Lain lubok lain pula ikan-nya, lain padang tentu lain pula belalang-nya. Ini-lah kehendak dan keinginan masyarakat kita, biar-lah sa-tiap perkataan dan sa-tiap kalimat yang di-chiptakan dalam apa jua bentuk bahan bacaan dan penulisan yang di-tatap di-negeri ini menampakkan pengalihan chorak pemikiran dan falsafah masyarakat kita orang2 Brunei dari penulis2 Brunei sendiri. Semoga-lah dengan ada-nya harapan dan kesedaran yang mungkin di-wujudkan oleh golongan chandikiawan kita bagi mengatasi ketandusan itu akan terus menghasilkan lagi berbagai-bagai bidang ilmu pengetahuan yang luas kajian-nya, terutama dalam harapan DBP untuk menerbitkan buku2 teks bagi kegunaan sekolah2, lebeh2 lagi dalam bidang sains dan ilmu hisab. Dan biar-lah nanti hasil dari penemuan kajian sains serta ilmu hisab yang bakal di-terbitkan itu akan terus berguna di-pakai oleh jenerasi kita yang akan datang bagi menyukat-nyukat dan mengamalkan-nya sesuai dengan kehendak dan ukoran masyarakat kita.

KULIAH UGAMA BAGI BELIA

Menfaat hidup kita bagi keuntungan

hidup di-dunia dan akhirat

"...sesungguh-nya mereka itu ada-lah belia2 yang beriman kepada Tuhan mereka dan Kami (Allah) tambahi mereka dengan petunjuk".



YB. Pehin Orang Kaya Ratu Diraja Dato Seri Utama Haji Mohd. Zain.

PENGHUNI GUA

SEKARANG saya ingin berpindah kepada sikap belia2 yang beriman, iman mereka berkubar2 di-dalam jiwa mereka, perkara ini ada di-cheritakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala dalam Suratul Kahfi ayat 13, dalam mana Allah Subhanahu Wata'ala mengabdikan perkataan belia yang di-namakan ashabul kahfi (penghuni gua) yang kesah perjuangan-nya di-cheritakan oleh Allah yang bermaksud "Kami (Allah) cheritakan kepada engkau cherita mereka dengan sa-benar-nya, sesungguhnya mereka itu ada-lah belia2 yang beriman kepada Tuhan mereka, dan kami (Allah) tambahi mereka dengan petunjuk."

Kesah belia2 ashabul kahfi itu ia-lah mengenai dengan sa-kumpulan belia2 yang berliandong dan bersembunyi di-dalam gua, kerana ingin menyelamatkan ugama mereka yang mengesakan Allah, sebab-nya pada ketika itu pemerintah negara mereka ada-lah berlaku zalim kepada orang2 yang mengesakan Allah, maka belia2 itu sanggup memper-tahankan keimanan mereka sa-hingga mereka menerima penderitaan, bersembunyi di-dalam gua bagi menyelamatkan keimanan mereka, sikap belia2 ashabul kahfi dalam berpegang tegoh kepada ugama yang mengesakan Allah itu mempunyai nilai yang amat tinggi, dan perlu di-jadikan chontoh tauladan oleh belia2 Islam.

Cherita ashabul kahfi ini ia-lah kesah belia2 yang sengahja di-abdikan oleh Allah Subhanahu Wata'ala di-dalam Al-Kor'an untuk menjadi chontoh tauladan kepada belia2 yang ingin menjadi belia tahan lasak, sanggup menerima segala penderitaan, dan sanggup berkorban pada mengabdikan diri kepada Allah, dan sanggup menerima apa saja demi untuk mempertahankan keimanan mereka kepada Allah.

Mungkin ada belia2 berkata, apa yang Pehin cheritakan itu ada-lah cherita kunu, cherita zaman dahulu, zaman kuratu, sekarang kita berada di-zaman moden, bawa-lah cherita zaman moden yang sesuai dengan zaman moden sekarang ini.

MODEN

Maka bertanya-lah saya, apa yang sa-benar-nya zaman moden itu? sebab perkataan moden ini mungkin mengelirukan, kerana tiap2 manusia pada sa-satu zaman memikirkan zaman-nya itu ia-lah zaman moden, dan mereka menyangka zaman sa-be-lum mereka itu ia-lah zaman yang tidak moden, zaman yang tidak begitu mempunyai kelebihan2 dan kemegahan2, suatu za-

man yang mundur dan pe-noh dengan kegelapan, maka orang2 di-sesuatu zaman yang baru itu memikirkan mereka itu bertamadun, mereka mempunyai ilmu pengetahuan yang maha tinggi, dan menchapai sa-satu yang belum pernah di-chapai oleh orang2 sa-belum mereka, tetapi apabila orang2 itu telah meninggal dan diganti oleh orang baru, maka mereka akan menganggap moden zaman baru itu, dan orang2 sa-belum mereka itu tidak moden, demikian-lah keadaan manusia dalam memahami moden.

Menurut Almaududi dalam buku-nya "chabaran2 zaman moden dan belia2" bahawa kita perhatikan bahawa-bawa-nya manusia belum pun menerima apa2 perubahan sejak dari zaman Nabi Allah Adam hingga sekarang, otak-nya masih juga di-takok lama, kepintaran2 mereka berfikir pun masih juga dalam keadaan-nya yang asal, hawa nafsu-nya itu-lah juga hawa nafsu dahulu, kehendak2 jasmani-nya masih juga sama seperti dahulu, chara mereka berfikir itu-lah juga chara berfikir dahulu, tidak ada perbezaan yang asas dari sudut2 yang di-nyatakan tadi, dan mungkin ini-lah salah satu rahsia mengapa manusia di-timpa keadaan2 yang tertentu dari sejak dahulu hingga sekarang, sa-bagai mithal:—

1. Pada zaman Nabi Allah Lut telah berlaku gajil2, laki2 gilakan laki2, dan perempuan2 gilakan perempuan2, dan sekarang kita perhatikan sa-sudah kira2 4,000 tahun berlalu daripada zaman Nabi Allah Lut itu, Negara yang paling bertamadun dan paling maju di-dunia ini, seperti Amerika telah di-timpa oleh penyakit yang berlaku di-zaman Nabi Allah Lut itu, bilangan-nya hampir kepada 20 juta orang yang menjadi ahli waris perangai kaum Nabi Allah Lut itu.

2. Pada zaman Fir'aun...

menteri-nya, "bikinkan aku bangunan yang tinggi supaya aku boleh melihat Tuhan Nabi Allah Musa". Ini cherita zaman dahulu, tetapi zaman sekarang sudah berlalu kira2 3,500 tahun dari zaman Fir'aun itu, apabila roket pertama di-lancarkan ka-angkasa lepas oleh Russia yang tinggi-nya kira2 150 atau 200 batu dari bumi yang membawa angkasawan yang pertama "YURI GAGARIN", maka berkata-lah Mr NIKITA KHRUSHCHEV ia-itu Perdana Menteri Russia, "kami telah mengkaji angkasa lepas, tetapi kami tidak dapat di-dalam-nya akan ada-nya Tuhan."

Dari dua chontoh ini, Almaududi mengatakan bahawa belum berlaku sebarang perubahan asas ka-tas chara berfikir manusia sejak dari zaman dahulu, ia-itu 4,000 tahun dahulu hingga-lah sekarang.

Kalau pun ada perbezaan-nya ia-lah Fir'aun pada zaman dahulu tentu-lah hanya dapat membena bangunan yang tinggi2 seperti Piramid (Ahram) yang ada di-Mesir, tetapi Fir'aun pada zaman moden ini sanggup membuat roket yang meneroka angkasa lepas, dan roket yang sampai ka-bulan.

BELIA TAKWA

Dalam hadith tadi Rasulullah mengingatkan supaya kita jangan melepaskan peluang sa-masa muda belia sa-belum lagi kita menjadi tua, belia itu sa-benar-nya bukan-lah sa-satu yang baik sa-chara mutlak dan bukan-nya juga sa-satu yang buruk sa-chara mutlak, kerana belia itu ada-lah umpama darah yang meluap2, darah panas ia lepas menerima sa-satu yang baru, dan jika ia berpuas hati dengan sa-satu yang pada anggapan-nya bahawa ia akan mendapat keuntungan, maka ia tidak akan berundur, bahkan ia akan terus berusaha dan berkorban apa sahaja bagi menchapai keuntungan itu.

Sa-bagai mithal belia yang berdarah panas dan

mempunyai azam yang kuat itu ia-lah Saidina Yusuf, Nabi Allah Yusuf ada-lah sa-orang belia yang mempunyai iman yang tegoh kepada Allah, ia menerima berbagai2 godaan termasuk-lah godaan dari pada isteri tuan-nya yang amat chantek, tetapi oleh kerana Nabi Allah Yusuf sa-orang yang budiman dan takwa kepada Allah, belia yang mengenai nilai pahala dan dosa, maka segala godaan itu di-ketepikan-nya, dan ia sanggup masuk ka-dalam penjara bagi memelihara diri-nya dan memelihara keimanan-nya tetapi dengan berkat azam-nya yang kuat akhir-nya ia berjaya membangunkan negara Mesir sa-bagai negara yang subur dan berupaya membantu negarajiran yang menghadapi kebuluran.

BELIA ISLAM

Pada zaman Nabi Muhammad s.a.w. ketika Baginda mula menyiarkan Ugama Islam, dan ketika Baginda mendapati tentang an2 yang hebat daripada pemimpin2 kafir Quraisy di-Mekah, maka belia2-lah yang menjadi barisan depan, baik di-pehak Nabi Muhammad s.a.w., mahupun di-pehak orang2 kafir Quraisy.

Di-sebelah pemimpin kafir, belia2 kafir sentiasa berusaha mengganggu Nabi Muhammad s.a.w., dan menimpakan berbagai2 azab kepada pengikut2 Nabi Muhammad s.a.w.

Dan di-pehak Nabi Muhammad s.a.w. pula kita dapat memerhatikan bahawa-bawa-nya belia2 Islam-lah yang mempertahankan seru an Islam yang di-bawakan oleh Nabi Muhammad s.a.w. itu, tidak banyak orang2 yang umur-nya lebeh daripada Nabi Muhammad s.a.w. dalam senarai orang2 yang mulia memeluk Ugama Islam, maka banyak umur-nya lebeh muda daripada Nabi Muhammad s.a.w., ada yang berumur 10 tahun, ada yang belum melimpahi 15 tahun, ada yang belum melimpahi 18 tahun, dan ada yang belum melimpahi umur-nya 22 tahun, dan ada yang belum melimpahi 35 tahun, ini-lah belia yang menghadapi ancaman dan serangan dari orang2 kafir Quraisy.

Demikian chontoh2 belia2, azam belia2 dan kekuatan belia2, kekuatan datang-nya dari dalam dari keimanan, dari kepercayaan yang teguh yang telah sebatikan

Ka-arrah penubohan tentera wanita Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei

Wanita2 kita boleh melaksanakan segala tanggung-jawab yang kelak akan di-pikulkan kapada mereka sa-bagai sa-orang tentera

OLEH: AISAH PIEE



YB Pehin Orang Kaya Seri Dewa Kolonel Dato Seri Pahlawan Haji Mohammad.—"Wanita kita sama kemampuan-nya dengan wanita2 luar negeri."

JIKA ada satu perbincangan yang meliputi topik peranan dan kerjaya wanita masa kini, kerap kali akan di-pertutorkan soal2 yang bersangkutan dengan lenggang-lenggok si-setiausaha, atau halus lengan-nya si-pendandan rambut, betapa cekap-nya kerani wanita itu menyelesaikan kerja2 yang di-arahkan kapada-nya.

Hari ini, bichara itu kurang mengambil tempat, dan kemampuan wanita untuk berganding bahu dengan lelaki di-dalam mempunyai bidang kerja2 yang lebih menantang atau kerja2 yang memerlukan kerahan tenaga atau kerja2 yang memerlukan kekuatan mental sudah tidak dapat di-pertikaikan lagi.

Sa-bilangan kaum wanita kita sudah menampakkan kegigihan mereka di-dalam banyak jenis pekerjaan yang baru mereka terokai. Kita sudah dapat menyaksikan wanita2 bekerja di-bawah terik-nya chahaya matahari; menerima bayaran2 letak kereta mithal-nya. Kita sudah punya mata-mata atau pegawai polis yang terdiri daripada kaum wanita dan dalam sedikit masa lagi wanita Brunei tidak 'kempunan' untuk merasakan kehidupan sa-bagai sa-orang anggota tentera yang terlatah.

Dari penerangan yang di-berikan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Kolonel Dato Seri Pahlawan Haji Mohammad bin Haji Daud, Timbalan Pemerintah Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei, di-dalam temuramah di-pejabat beliau baru2 ini, jelas tergambar keyakinan Yang Berhormat Pehin itu bahawa wanita2 kita boleh melaksanakan segala tanggung-jawab yang kelak akan di-pikulkan kapada mereka sa-bagai sa-orang tentera.

Nyata-nya kompeni wanita yang akan di-tubuhkan ini punya fungsi yang bukan sedikit di-dalam perjalanan pasokan tersebut. Ikuti-lah hasil temuramah kami bersama dengan pehin Orang Kaya Seri Dewa Kolonel Dato Seri Pahlawan Haji Mohammad sa-lanjut-nya.

"Sa-belum kami berura2 menubuhkan kompeni wanita ini, kami telah pun menerima banyak pertanyaan dari wanita kita tentang bila-kah kompeni ini akan di-tubuhkan dan jawapan yang dapat kami berikan pada ketika itu ia-lah belum, dan tunggu," jelas Yang Berhormat Pehin.

Iklan yang sudah di-keluarkan pada ketika ini ada-lah bagi pengambilan pegawai2 yang akan di-

auliahkan sa-bagai pegawai2 di-dalam pasokan ini nanti.

Di-dalam perengkat pertama pengambilan-nya, chuma tiga orang wanita sahaja akan di-ambil setelah di-pilih daripada pemohon2 yang akan di-temuduga di-dalam bulan April yang akan datang ini dan ketiga-tiga mereka akan menerima latihan sa-lama lapan bulan di-Maktab Tentera Wanita Diraja atau Women's Royal Army College di-Camberley, England di-dalam bulan Mei ini.

Pengambilan kedua bagi tiga orang pegawai wanita yang lain akan di-usahakan dalam bulan September tahun ini. Ini bermakna Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei hanya memerlukan enam orang pegawai wanita yang bertauliah, yang terdiri dari wanita2 tempatan di-awal penubuhan-nya bagi melaksanakan pentadbiran di-chawangan itu nanti.

Dalam bulan September, 1981, pasokan ini di-jangka akan mengambil sa-puluh orang lagi wanita tempatan untuk mengikuti kursus jurulatih. Mereka akan di-berikan arahan dan tunjuk-ajar dalam mengendalikan pengajaran bagi rekrut2 wanita apabila rekrut2 wanita mula di-ambil dalam tahun 1982. Chalun2 yang terpilih bagi mengikuti kursus jurulatih, ada-lah lebih dahulu di-kehendaki menjalani kursus dan latihan sa-bagai askar wanita. Jurulatih2 ini berhak di-naikkan pangkat kapada Lance Koprul, Koprul dan sa-terus-nya mengikut kemampuan masing2.

Sementara itu, pengambilan bagi rekrut2 wanita akan di-lakukan dalam tiga pengambilan, ia-itu dalam tahun 1982, yang memerlukan sa-ramai 50 orang rekrut di-setiap pengambilan.

Menurut Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Kolonel Dato Seri Pahlawan Haji Mohammad, syarat2 pengambilan ada-lah sa-rupa dengan syarat2 pengambilan bagi rekrut2 lelaki kechuali dalam segi fizikal dimana, mithal-nya, dalam

pemilihan bagi pegawai2 kadet lelaki atau perajurit lelaki, mereka di-kehendaki berlari kira2 tiga batu, dan syarat2 demikian tidak terdapat dalam pemilihan bagi pegawai2 dan rekrut2 wanita.

Latihan asas ketenteraan bagi rekrut2 wanita akan di-jalankan di-Pusat Latihan di-Perkhemahan Bolkiah, di-bawah Pengawasan jurulatih2 yang lebih dahulu di-beri latihan. Mereka juga akan mengikuti latihan2 teknikal dan pertukangan, sa-telah tamat menjalani latihan2 asas ketenteraan.

Chadangan yang dibuat oleh penasihat penubuhan kompeni wanita ini, ia-itu dua orang pegawai yang di-datangkan dari United Kingdom, jelas Timbalan Pegawai Pemerintah Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei, latihan2 asas ketenteraan bagi rekrut2 wanita ini hanya akan memakan masa sa-lama enam minggu, tanpa di-lengkapi dengan latihan2 bersenjata.

Walau bagaimana pun Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei akan memanjangkan tempoh latihan sa-hingga lebih dari

enam minggu bagi memudahkan rekrut2 wanita itu untuk mendapatkan latihan2 yang membabitkan penggunaan senjata api.

"Rekrut wanita juga mesti di-berikan latihan dalam bahagian penggunaan senjata, walau pun tujuan-nya bukan untuk berperang tetapi chukop untuk mempertahankan diri mereka di-dalam masa kechemasan," jelas Timbalan Pemerintah.

Bangunan2 bagi kegunaan tentera2 wanita akan di-sediakan dan kini sedang di-ubah-suai, sesuai dengan keadaan kehidupan kaum wanita. Sa-buah surau yang berasingan akan di-bena untuk mereka. Kemudahan2 yang berasingan dari kaum lelaki, seperti dewan makan, akan di-sediakan untuk mereka. Pasokan ini akan berusaha untuk menentukan bahawa mereka ini tidak akan berchampor-gaul dengan kaum lelaki yang mungkin mero-sakkan tata-susila yang diterima oleh kebudayaan dan hukum ugama kita.

Persoalan yang mungkin timbul di-kalangan masyarakat kita ia-lah, apa-kah yang dapat di-

lakukan oleh tentera2 wanita kita nanti dan apakah objektif penubuhan kompeni wanita ini?

Dalam keseluruhan Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei, terlalu banyak tugas2 yang di-fikirkan sesuai di-usahakan oleh kaum wanita, yang mana di-antara tugas2 itu ia-lah tugas2 pembayaran gaji dan kewangan, penjaga setor dan jurukira setor, kerja2 dalam pembaikan perkakas2 survival atau Survival Equipment Repairer, pembantu2 perubatan, di-bahagian perigian dan pembantu2 perigian, Jururawat2, tukang masak, pemandu2 kenderaan, dan dalam bahagian polis tentera wanita.

Memandangkan banyak-nya tugas tersebut, tentera2 wanita tidak akan di-hadkan dalam satu chawangan sahaja, malah me-

reka ini di-tempatkan di-keseluruhan pasokan, dan di-dalam banyak chawangan terutama di-bahagian dalam tugas2 memandu pentadbiran dan juga di-Pusat Latihan. Sementara kenderaan, tentera2 wanita akan di-tempatkan di-chawangan2 yang memerlukan tugas pemandu wanita.

Jadi, tenaga wanita juga di-perlukan di-dalam mengendalikan tugas2 yang di-sebutkan tadi. Dengan kehadiran mereka di-dalam chawangan pasokan ini, ia-nya akan dapat menolong melichinkan pentadbiran pasokan. Apa yang paling menguntungkan ia-lah kehadiran mereka akan memberikan peluang kapada tentera2 lelaki yang melaksanakan kerja2 dalam pejabat sa-

Lihat muka 4



SATU contoh yang baik bagi membuktikan kaum wanita boleh berganding bahu dengan lelaki di-dalam menjaga keamanan negara. Tidak ada sebab mengapa kompeni wanita AMDB tidak boleh terus melangkah bagi membuktikan keupayaan mereka. Penubuhan chawangan Polis Wanita, Polis Diraja Brunei telah menjadi satu kejayaan. Gambar kelihatan rekrut2 polis wanita memberikan tabek hormat di-dalam satu perbarisan tamat latihan.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Bagi mencherminikan atau menggambarakan seni sastera yang berchorak keBruncian dalam mana2 chorak penulisan, sa-tiap penulis di-negeri ini di-ingatkan terutama ahli2 ASTERAWANI untok perlu mendalami serta mempelajari adat-istiadat orang2 Brunei.

Perkara demikian amat perlu dan menjadi tanggung-jawab sa-tiap penulis demi untok mengujudkan satu bentuk bidang sastera yang benar2 mencherminkan kehidupan orang2 Melayu Brunei yang berteraskan kebudayaan yang dapat di-tatapi oleh sa-tiap anggota masharakat Melayu itu sendiri.

Demikian di-sarankan oleh YAM Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohd Yusof bin Pengiran Haji Abd. Rahim, Pensehat Asterawani ketika bersabda di-majlis pembukaan rasmi mashuarat agong Asterawani kali ke-19 dan bengkel drama dan penulisan nobel yang telah di-adakan di-Bilek Pameran Dewan Bahasa dan Pustaka di-sini pada hari Jumaat 27hb. Februari lepas.

Yang Amat Mulia itu menegaskan, tanpa mengetahui dan mempelajari adat istiadat Brunei dengan sa-benar2-nya, ahli2 Asterawani tidak akan mungkin dapat menghasilkan penulisan yang berchorak keBruncian.

"Dengan jalan mengetahui adat istiadat itu saya perchaya ahli2 Asterawani akan dapat meng-

Mengujudkan

satu bentuk

bidang sastera

yang benar2

mencherminkan

kehidupan

orang2 melayu

Brunei



KELIHATAN antara tetamu2 kehormat yang hadir di-majlis pembukaan rasmi mashuarat agong Asterawani dan bengkel drama dan penulisan nobel yang telah di-adakan di-Bilek Pameran DBP pada 27hb Februari lepas.

PERLU-LAH MEMPELAJARI DAN MENDALAMI ADAT-ISTIADAT DAN BAHASA ORANG2 MELAYU

gambarkan sa-benar-benar-nya keadaan kehidupan orang2 Melayu Brunei, tetapi jikalau sa-orang penulis yang belum mahir dalam perkara ini chuba menggambarkan-nya mungkin ia tidak dapat berbuat demikian, oleh itu pelajari-lah sa-dalam2-nya yang dapat samada melalui penulisan drama dan sa-bagai-nya untok tatapan orang ramai khas-

nya masharakat Melayu Brunei," sabda Yang Amat Mulia.

Yang Amat Mulia itu juga menyarankan supaya ahli2 Asterawani mempelajari dan mengkaji sa-dalam2-nya 'Bahasa Brunei', kerana tegas-nya, Bahasa Brunei merupakan bahasa yang lebeh unik jika di-bandingkan dengan Bahasa Melayu di-seluruh

pelusok negara2 di-nusantara ini.

Dengan mempelajari kedua-dua unsur tersebut sabda Yang Amat Mulia sa-tiap ahli2 Asterawani akan dapat menghalusi aliran fikiran yang berchorak keBruncian yang akan di-salurkan dalam segi penulisan dan dapat membayangkan sa-benar2-nya realiti kehidupan orang2 Melayu yang sudah memang terkenal sabagai satu bangsa yang berpegang kepada adat istiadat.

Menyentuh peranan ahli2 Asterawani dalam membanyakkan karya2 penulisan, Yang Amat Mulia itu menyeru kepada ahli2 Asterawani supaya dapat menghasilkan beberapa banyak majallah dan kalau boleh menerbitkan surat khabar sendiri.

"Tidak ada satu surat khabar sa-benar2-nya yang mewakili suara orang2 kita di-Brunei pada masa ini yang di-kendalikan oleh orang2 kita sendiri," ujar Yang Amat Mulia itu.

Di-samping itu, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohd. Yusof juga menyeru ahli2 Asterawani supaya bersifat jujur dan kaseh sayang terhadap kewajipan2 yang hendak di-tunai-kan saperti yang terdapat dalam dasar perlembagaan persatuan itu.

"Sifat jujur dan kaseh sayang merupakan sumber yang penting dalam menempoh keadaan masharakat kita sekarang yang bukan hanya untok mengembangkan dari segi bahasa dan kesenian samata2, tetapi yang penting-nya ia-lah dalam masa kita sedang menempoh

kemerdekaan yang penuh dengan chabaran2 dan rintangan2 khusus-nya dalam bidang penulisan," sabda Yang Amat Mulia mengingatkan.

Majlis pembukaan rasmi mashuarat tersebut telah di-hadiri oleh Pe-

mangu Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Pengiran Badaruddin bin Pengiran Ghani, Awang Mustapha bin Haji Abd Rahman, Setiausaha Agong MBB serta lebeh daripada 50 orang ahli2 Asterawani.

Buku2 bentok Cherita Raayat

Dari muka 1

Di-samping itu, Dewan Bahasa dan Pustaka kini sedang giat mengusahakan beberapa buah buku2 bentok Cherita Raayat yang di-selenggarakan oleh Bahagian Penyelidikan. Ia-nya akan dapat di-sebarkan keseluruh negeri apabila buku2 itu telah di-terbitkan.

"Dengan chara menerbitkan buku2 Cherita Raayat ini nanti, kanak2 di-negeri ini akan lebeh menchintai bangsa dan negara-nya sendiri. Kerana ia-nya juga di-harapkan dengan pembentokan jiwa dan peribadi melalui buku2 Cherita Raayat ini tradisi lisan akan terus hidup di-kalangan masharakat Brunei," jelas Pg Badaruddin.

Dewan Bahasa dan Pustaka masa ini, menurutnya lagi, sedang melaksanakan penerbitan dan penyusunan dua buah kamus ia-itu Kamus Kanak-kanak dan Kamus Perbendaharaan Kata Melayu Brunei. Penerbitan Kamus Kanak-kanak itu, di-jangka akan dapat di-usahakan penghujung tahun ini.

Sementara Kamus Perbendaharaan Kata Melayu Brunei pula sedang dalam proses penyusunan yang kini giat di-selenggarakan oleh Bahagian Pembinaan dan Pengembangan Bahasa jabatan itu.

Penerbitan kamus ini, jelas Pg Badaruddin, sangat berfaedah kepada pakar2 bahasa yang berminat dalam mengkaji dengan lebeh mendalam lagi Bahasa Brunei yang ada hubungan-nya dengan chara berfikir dan kehidupan masharakat Brunei di-masa silam.

Di-antara buku2 yang di-jangka di-terbitkan itu dan sa-bahagian-nya kini dalam proses perchetakan ia-lah, Ilmu Alam Rengkas Brunei (chetakan kedua); Elementary Geography for Brunei (terjemahan dari buku Ilmu Alam Rengkas Brunei); Peribahasa Sekolah Rendah (chetakan kedua); Siri Dunia Serangga (4 siri); Tataaraayat Darussalam, Buku 5; Main Chator — Permainan Di-Raja; Daerah Kedayan (Edisi Brunei); Gegaran Sa-musim (Novel Bachaan Dewasa); Tiga Orang Budak Berani

(Novel Bachaan Kanak-kanak); Pengajaran: Prinsip dan Amalan (oleh A. Ghani bin Bujang); Asas2 Kritik Sastera (oleh Yahya M.S.); Ilmu Hisab Hidup 6B; Siri Cherita Raayat Brunei; Seni Khat (3 siri) dan Daup-daup Bapa (buku nyanyi kanak-kanak).

Di-samping itu sabanyak 14 buah tajok buku2 yang kini dalam perengkat penyemakan dan sedang di-mashuaratkan untok di-terbitkan.

Buku2 tersebut ia-lah Sinar Baru (Edisi Brunei); Mengenal dan Menchuba; Antoloji Sajak Dewasa; Antoloji Sajak Kanak-kanak, Lari Bersama Musim (Novel Bachaan Dewasa); Rangkaian Puisi Lama; Pantun Melayu Brunei; Ilmu Sains Hidup (tinggal Buku 4A — 6B yang belum terbit); Siri Ilmu Hisab (12 siri — terjemahan dari buku Discovering Maths); Individu dan Masharakat Dari Kachamata Islam; Antoloji Cherpen Kanak-kanak; Antoloji Sajak Mingguan Salam; Kamus Kanak-kanak dan Kamus Perbendaharaan Kata Melayu Brunei.

Bantuan dari Great Britain

Dari muka 3
lama ini, untok di-arahkan keluar bagi memikul tugas yang sesuai dengan keupayaan mereka di-luar pejabat. Ini ada-lah sesuai dengan objektif penubohan kompeni wanita, yang mana salah satu dari-nya ia-lah supaya menambahkan lagi kecekapan pasokan pada keseluruhan-nya.

Memang pada dasarnya sa-tiap perkara yang baru memerlukan bimbingan dari yang berpengalaman. Begitu juga dengan penubohan kompeni wanita ini, yang mana di-perengkat permulaan, Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei akan meminta bantuan dan tenaga yang di-datangkan dari Great Britain untok menganggotai pasokan ini di-perengkat atasan.

Sa-orang meyor dan sa-orang kaptan akan di-kehendaki daripada Pasokan Tentera Wanita British, dan di-jangka akan tiba di-Brunei pada awal bulan Mei, 1981.

Soal-nya sekarang, berjaya-kah wanita kita da-

lam bidang yang baru diperkenalkan kepada mereka ini?

"Wanita2 kita ada-lah sama kemampuan-nya dengan wanita2 di-luar negeri," jelas Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Kolonel Dato Seri Pahlawan Haji Mohammad, sa-waktu ditanya mengenai pendapatnya tentang wanita Brunei.

Lapangan pulis wanita, suatu hari dulu, juga merupakan lapangan yang baru bagi wanita Brunei. Dan ada-lah di-fahamkan, dan menurut pandangan Yang Berhormat itu, wanita2 yang telah memasuki lapangan Pulis Diraja Brunei ini telah menjalankan satu tugas yang chemerlang yang sangat memuaskan hati. Sudah jelas, penubohan Pulis Wanita, Pulis Diraja Brunei ini telah menjadi satu kejayaan.

Perhatian dari kaum wanita kita, semangat yang membangun serta tenaga dan kerjasama dari mereka amat-lah di-perlukan dalam menentukan kejayaan chawangan ini nanti, sa-lain dari menjadi satu chabaran bagi kaum wanita untok melangkah terus bagi membuktikan keupayaan kaum-nya.

Pegawai2 Polis Diraja Brunei berkursus

BERAKAS. — Dua orang pegawai kanan Polis Diraja Brunei telah berlepas ka-Hongkong hari Selasa lepas, 3hb. Mach, bagi mengikuti kursus lanjutan sa-lama 10 hari di-Sekolah Outward Bound di-Hong Kong.

Menyertai kursus tersebut ialah Inspektor Pg. Anuar bin Pg. Haji Rajid dan Inspektor Ibrahim bin Abdullah.

Sa-panjang kursus, mereka akan mengikuti latihan2 di-laut dan udara. Kursus tersebut ada-lah pertama kali-nya di-hadiri oleh pegawai2 Polis Diraja Brunei di-sana.

Hari Khamis lalu, dua orang lagi anggota polis, Sgt 757 Pg. Zainal bin Pg. Chuchu dan PC 510 Mahadi bin Latif, telah bertolak ka-Singapura bagi mengikuti Latihan Lanjutan Terjun Payong bersama Pasokan Angkatan Ber-

senjata Singapura. Latihan sa-lama 9 hari itu akan berakhir pada 14hb. Mach ini.

Sementara itu, satu lagi kursus sa-lama 10 hari akan di-hadiri oleh Ketua Inspektor Abdullah bin Ishak dan Inspektor

Kanan, Majid bin Ahmad. Kedua-dua mereka akan mengikuti kursus di-Sekolah Outward Bound di-Hongkong, yang akan bermula pada 13hb. Mach depan. Mereka telah meninggalkan Brunei kelmarin.



INSPEKTOR Pengiran Anuar (kiri), Inspektor Ibrahim (kanan).

Penuntut2 SMM Muda Hashim melawat ka-Pasokan AMDB

BOLKIAH KEM. — Muzium Pasokan, Chawangan Semboyan dan Bengkel Pasokan, Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei di-Bolkiah Kem, akhir2 ini telah menerima beberapa kunjungan penuntut2 dari beberapa buah sekolah di-negeri ini.

Turut membuat lawatan sambil belajar ka-tempat2 tersebut pada hari Selasa, 3hb. Mach lalu, ia-lah 33 orang penuntut dari Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim di-Daerah Tutong, yang antara-nya ahli2 Kadet Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei.

Sa-belum memulakan lawatan, rombongan yang di-ketuai oleh tiga orang guru sekolah tersebut telah di-bawa ka-Dewan

Pusat Latihan bagi mengikuti ucapan alu-aluan oleh Pegawai Pengambilan Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei, Yang Dimuliakan Pehin Datu Maharaja Lela Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Musa bin Haji Ya'akub, yang juga memberikan penerangan mengenai perkembangan di-keseluruhan pasokan tersebut.

Lawatan di-mulakan dari Muzium Pasokan dan sa-terus-nya ka-Chawangan Semboyan di-mana penuntut2 tersebut menerima penerangan mengenai typing dan teleprinter dengan menggunakan mesin Sight And Sound dan penggunaan radio.

Di-Padang Tembak 25 metre Range, penuntut2

itu juga di-beri peluang menembak sasaran dengan menggunakan Rifle M16. Tempat terakhir dalam lawatan tersebut ialah Bengkel Pasokan.

Penuntut2 itu juga berpeluang mengikuti satu pertunjukan dari Battalion Pertama Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei, dimana mereka menerima penerangan dari anggota2 yang bertugas, mengenai penggunaan senjata, peluru, radio dan meriam katk.

Di-sebelah petang-nya, penuntut2 tersebut itu telah di-bawa menaiki pesawat helikopter ka-Bolkiah Selatan bagi meneruskan lawatan ka-Angkatan Laut yang berpusat di-Muara.



PENUNTUT2 tersebut ketika mendengar penerangan mengenai senjata2 yang di-gunakan oleh Pasokan AMDB.



PASOKAN AMDB yang menyertai perlawanan menembak tersebut.

43 anggota AMDB sertai pertandingan menembak di-Hongkong

BERAKAS. — Sa-ramai 43 orang Penembak Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei telah berlepas ka-Hongkong baru2 ini untuk mengambil bahagian dalam perlawanan Menembak Tentera Bersenjata Hongkong bagi tahun 1981, yang akan bermula pada 23hb. Mach depan.

Penembak2 tersebut, yang di-ketuai oleh Kapitan D. Potter, ada-lah dari dua Pasokan Penembak Major Yunit yang terdiri dari anggota Battalion Pertama dan Kedua dan Satu Minor Yunit dari

lama lima hari itu, penembak2 tersebut akan menyertai pertandingan dalam beberapa bahagian, termasuk bahagian Rifle, HBAR, SMG, Section dan lain2.

Pusat Latihan.

Dalam perlawanan sa-

Mereka di-jangka akan kembali ka-tanah ayer pada 28hb. Mach, 1981.



KELIHATAN 6662 Rekrut Abdul Talip bin Selasa (gambar atas) terpilih sa-bagai rekrut terbaik, terbaik sa-bagai penembak M16, dan terbaik dalam bahagian latihan jasmani, se-dang menerima hadiah dari Leftenan Kolonel A.C.H. Bennett, Pegawai Pemerintah Battalion Kedua di-upacara perbarisan tamat latihan pasokan AMDB bagi pengambilan ke-52 yang telah berlangsung pada 27hb Februari, lalu di-Padang Kawad Perkhemahan Bolkiah. TURUT menerima hadiah di-upacara (gambar bawah) pada hari itu ia-lah 6657 Rekrut Ak Mohaimin bin Pg Othman, yang terpilih sa-bagai penembak HBAR terbaik.

Berkursus ka-Singapura

BERAKAS KEM. — Satu lagi rombongan yang mengandungi 10 orang Kadet Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei, akan berlepas ka-Singapura hari Ahad depan, 15hb. Mach, bagi mengikuti kursus lima hari di-Sekolah Outward Bound di-Pulau Ubin.

Menyertai rombongan yang di-ketuai oleh 3225 Nasir bin Haji Ghapar ialah Kadet Salim bin Othman, Imbran bin Jiti, Johari bin Sulaiman, Adam bin Aji, Ramlee bin Abd. Raub, Abu Bakar bin Jailani, Mohammad Aini bin Muli, Mat Salleh bin Ali, Roslan bin Saiman dan Yussof bin Othman.



JALAN MUARA.—Umat Islam di-negeri ini di-seru supaya menetapkan pendirian keugamaan mereka dengan berpegang tegoh kepada ajaran2 Islam yang betul dan menolak segala perkara2 yang salah dan sesat.

Ini ada-lah bagi kepentingan masa depan jenerasi, bangsa serta tanah ayer yang sama2 kita cintai.

Seruan ini telah dibuat oleh Pegawai Ugama Kanan di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Abdul Aziz bin Juned ketika berucap merasmikan Peraduan Membaca Khutbah antara Maktab2 dan Sekolah2 Menengah di-Daerah Brunei dan Muara yang telah berlangsung di-Dewan Sekolah Sultan Saiful Rizal, Jalan Muara pada hari Rabu lalu.



AWANG Adnan bin Haji Besar salah sa-orang wakil dari SMA Lelaki Hassanal Bolkiah yang menyandang naib-johan.

Kursus Kerani2

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 15 orang kerani dari lapan buah Jabatan Kerajaan kini sedang mengikuti kursus Pengenalan Bagi Kerani2 Yang Baharu Berkhidmat, yang di-adakan di-Yunit Jabatan Perjawatan, telah bermula kelmarin dan akan berakhir esok.

Sementara itu, sa-ramai 28 orang lagi kerani yang baru berkhidmat akan mengikuti kursus yang sa-rupa bulan Mach ini. 15 orang dari mereka, dari lapan buah jabatan Kerajaan, akan mengikuti kursus tersebut pada 17hb. Mach depan, dan 13 orang lagi dari tujuh buah jabatan akan meng-hadhiri-nya pada 24hb. Mach, 1981.

Peserta2 kursus akan mendengar cheramah2 yang di-berikan oleh pegawai2 dari Yunit Latchan Jabatan Perjawatan.

Awang Haji Abdul Aziz seterusnya berkata, menyelamatkan akidah (keperchayaan) itu bererti menyelamatkan diri sendiri dan menyelamatkan tanah ayer ia-itu Brunei Darussalam, bumi yang sekarang sama2 kita pijak.

Terdahulu dari itu, beliau menerangkan fungsi Khutbah yang amat besar ia-lah dari segi menyampaikan wa'z (nasehat), pertunjuk dan bimbingan2 atau arahan2 serta perkara2 yang berkebaikan yang mendatangkan faedah kepada masyarakat Islam.

Tanpa ini, kata-nya, masyarakat Islam akan lumpuh! Ibarat tanah yang di-taburi dengan benih2 tanaman tetapi tidak pernah di-sirami ayer, akhirnya benih itu menjadi mati kerana kekeringan.

"Itu-lah ibarat jiwa, perlu di-rawat, di-tolong dan di-beri santapan yang layak, tidak boleh kurang sekali pada tiap minggu. Ini satu contoh bagaimana chara Islam memelihara umat-nya.

AJARAN UGAMA YANG BETUL MENENTUKAN KONSEP HIDUP YANG BETUL

"Sa-tiap Khutbah yang di-khutbahkan di-masjid2 di-seluruh negeri pada masa ini mengandungi bahan2 yang terpilih, yang di-anggap munasabah dan layak bagi menjaga dan memelihara masyarakat Islam," tegas Awang Haji Abdul Aziz.

Maka untuk mengawal kestabilan dan kesejahteraan penduduk serta raayat di-negeri ini, menurut-nya lagi, peranan agama Islam ada-lah amat penting. Hanya dengan ajaran agama yang betul sahaja, kata beliau, dapat menentukan konsep hidup yang betul dan dapat menjelaskan dengan tepat konsep taat setia bagi umat-nya.

Jadi bagi sa-siapa yang berpegang dengan konsep ini, seperti maksud hadith Rasulullah s.a.w.: "Tidak taat kepada sa-barang usaha atau pekerjaan yang mendorong kita kepada menderhakai Allah," maka kehidupan-nya ada-lah stabil, tidak akan dapat di-ganggu-gugat oleh sa-barang anasir keadaan dan masa, demikian konsep hidup yang di-tekanakan oleh Awang Haji Abdul Aziz di-majlis petang itu.

Peraduan yang di-anjorkan oleh Badan Kebajikan Penuntut2 Pusat Latchan Teknikal kali kedua itu telah di-ambil bahagian oleh sa-puluh buah sekolah2

menengah dan maktab2 di-Daerah Brunei dan Muara.

Johan dalam peraduan itu yang menerima hadiah piala pusingan dari Pengarah Pelajaran, Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Ahmad bin Jumat ia-lah wakil dari Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan dan Sekolah Sains, Jalan Muara, Awang Abd Rahim bin Haji Metussin.

Pemenang kedua ia-lah wakil dari Sekolah Menengah Arab Lelaki Hassanal Bolkiah, Awang Adnan bin Haji Besar dan tempat ketiga ia-lah wakil dari Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Awang Adnan bin Adam.



AWANG Haji Abdul Aziz bin Juned ketika berucap di-peraduan tersebut.

Hadhiri Kursus

BANDAR SERI BEGAWAN. — Awang Metassan bin Momin, Pegawai Projek di-Bahagian Lembaga Kemajuan Ekonomi Jabatan Setia Usaha Kerajaan telah bertolak ka-New Delhi India Ahad lalu.

Beliau sekarang meng-hadhiri kursus pengurusan dalam Regional Workshop on Curricular for Training Public Enterprise yang bermula Isnin lalu, 9hb. Mach dan di-jadualkan berakhir pada 29hb. Mach depan.

Kursus tersebut ada-lah di-anjorkan sa-bagai sa-bahagian dari Rancangan Kemajuan Bangsa2 Bersatu (UNDP)



SA-BAHAGIAN daripada hadirin yang menyaksikan peraduan membaca khutbah kali kedua anjoran Badan Kebajikan Penuntut2 Pusat Latchan Teknikal, Jalan Muara.



Keputusan Pepereksaan Sijil S'pura/Cambridge Perengkat Biasa

Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan/ Sekolah Sain, Jalan Muara

Sipul bin Gomban 6, Kifli bin Barah 6, Donglah/Hashim bin Jaya 6, Gurang Anak Tandang 6, Amis Anak Baji 6, Abd Aziz bin Abd Kadir 6.

Rosnah binte Janudin/Jerudin 6, Hidop bin Bujan 5, Awg Ahmad bin Haji Salleh 5, Ali bin Lisa 5, Phang Kan Paw 5, Singa/Harun bin Riong/Riyong 5.

Tugok Anak Umak 5, Zakir bin Aji 5, Mohd Said bin Ismail 5, Kakok bin Kawang 5, Johan bin Haji Sawal 5, Isa bin Singgil 5.

Mohammad Harun Thmar bin Jais 4, Mohd Mortadzah bin Mohd Hanafiah 4, Liew Chuan Fuc 4, Jamil bin Munap 4, Bahtir bin Anaf 4, Abdullah bin Mahmood 4.

Abdul Rahman bin Haji Kula 4, Abdullah bin Bahar 4, Abd Ghani bin Jamaludin 4, Simurah binte Haji Tupok 4, Serimah binte Ali 4, Norsiah binte Haji Baba 4.

Mariyana binte Mohammad Ali 4, Hasnah binte Hj Ismail 4, Dayang Basar/Zauyah binte Taha 4, Asmah binte Idris 4, Zelani bin Hassan 4, Pangis bin Haji Badau 3.

Yusuf bin P.M. Abdul Kadir 3, Mulok Anak Tungkil 3, Jonis Anak Linggi 3, Jarah Anak Umak 3, Awang Hasdi bin Juini 3, Awang Umpang Anak Rantap 3.

Basir bin Ja'afar 3, Ali bin Aji 3, Abdul Rahman bin Metussin 3, Ag Bungsu 3, Abd Rahman bin Abd Rahman 3, Abd Rahman/Yusuf bin Hj Jumat 3.

Abas bin Md Said 3, Zaitonah binte Jaidin 3, Siti Mariah binte Hj Abd Majid 3, Sigading bte Akim 3, Salmah binte Md Salleh 3, Saadiah binte Timbang 3.

Jinab bte Benua 3, Jannah binte Timbang 3, Dayang Fatimah bte Haji Ahmad 3, Aisah binte Abd Rashid 3, Damit Anak Chuat 3, Mahmud bin Hussain 3.

Sekolah Menengah Sultan Muhammad Jamahl Alam

Mohamed Nor bin Ad-dullah 7, Karim bin Haji Shawal 7, Ag Tri A Sa-suar/Ali b Abdullah 6, Awg Yahya b Sa'at/Mohd Sa'at 6, Johari bin Haji Abd Latif 6, Dy Manah bte Hj Ampuan Metahir 5.

Dyg Rusni binte Jung-gal 5, Liu Siew Choon 5, Wong Fung Choy 5, Suhaili bin Hj Md Yusof 5, Aming bte Drman 4, Dy Ambun bte Munaf 4.

Masnah bte Jais 4, Maisunah binte Jambu 4, Saipah bte Sidek 4, Zainab bte Puasa 4, Abd Rahim bin Ismail 4, Awang Teh bin Ahmad 4.

Dullah bin Raman 4,

Kamis bin Ahmad 4, Mohd Othman bin Mohd Hassan 4, Rosli bin Awang Damit 4, Rosli bin Bujang 4, Asiah binte Haji Duraman 3.

Asmah binte Haji Mohammad 3, Dayang bte Menudin 3, Dayang Fairuz binte Haji Adham 3, Dy Maimun binte Haji Kadir 3, Dy Masni bte Haji Metusin 3, Dayang Rose binte Hj Samat 3.

Dk Maimon bte Pg Hassan 3, Fatimah binte Abd Hamid 3, Hanipah binte Yusof 3, Hjh Misnah binte Hj Mahmud 3, Halimah binte Takong 3, Mardiah binte Bair 3.

Masrani bte Mangsor 3, Norimah binte Haji Muhammad 3, Norjanah Hj Jinin 3, Tinun binte Hj Chuchu 3, Zam Zam bte Haji Duai 3, Abd Latip bin Ajak 3.

Abd Malik bin DHA Ag Besar 3, Awang Chuchu bin Othman 3, Awg Ahmad bin Awg Yassin 3, Awg Hassan bin Mahali/Mahli 3, Awang Janang bin Yaba 3, Ak Matsah bin Pg Haji Omar 3.

Ak Mokti bin Pg Salleh 3, Ak Shahril bin Pg Salleh 3, Duroh bin Sinjan 3, Mohamad bin Mumin 3, Mundus bin Jaya 3, Md Yusof bin Daud 3, Zaini bin Haji Mohammad 3.

Sekolah Menengah Arab Lelaki Hassanah Bolkiah

Johar bin Mohamad/Muhamad 8, Hajjah binte

Moktal 8, Zahidah binte Haji Ismail 7, Rosle bin Jumat/Jumaat 7, Zakiah binte Taib 7, Issa bin Abd Ghani 7.

Harun bin Junid 6, Munah binte Puteh 6, Aidah binte Hj Tengah 6, Dk Sebah binte Pg Momin 5, Latifah binte Ali 5, Noriah binte Abd Hamid 5, Rohani binte Hashim 5.

Nordin bin Ahmad 5, Zunaiddi bin Zaman 5, Matamid bin Tuah 4, Mohammad Ali bin Haji Sabtu 4, Sa'adiah binte Morshidi 4, Mohd Ariff bin Jumat 3, Awang Hamdan bin Bakar 3, Rahimah binte Abas 3.

Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim, Tutong

Sim Ai Kun 7, Taha bin Tingir/Tingir 7, Tani Anak Lingan 6, Azari bin Sungkai 6, Limbu binte Yaakub 5, Sagala binte Payong 5.

Bohari bin Johari 5, Duba/Duka bin Yuntun 5, Hon Ah Yan 5, Komsane bin Hisal 5, Luie/Rawi bin Tarang 5.

Md Noor bin Haji Yassin 5, Pandik/Yusuf bin Lahing 5, Pangatin bin Yar 5, Rosli bin Ulang 5, Teranganu bin Sitim 5, Gunah binte Sumin 4.

Habis Anak Japang 4, Aisah binte Tunggui 4, Liah binte Kamis 4, Raimah binte Metamit 4, Rosiah binte Ahim 4, Amzah bin Sabtu 4.

Abd Kadir bin Abd Ghani 4, Anggat Anak Majang 4, Daniah bin Laie 4, Jumad bin Tamin 4, Hamzah bin Udin/Sidin 4, Jamil bin Kassim 4.

Manan bin Madon 4, Misin bin Awok 4, Sabli bin Ahmad 4, Salung Anak Lagor 4, Sani bin Uning/Dunin 4, Sulaiman bin Saman 4.

Yong Meng Sang 4, Dang Elok binte Bisu 3, Hindun binte Abd. Rashid 3, Mary Anak Elin 3, Miri binte Chan 3, Noriha binte Md. Ali 3.

Norlia binte Sulaiman 3, Noorzanah binte Haji Darum 3, Ramai binte Yar 3, Rohhah binte Talip 3, Selmah binte Matu-sin 3, Yong Yet Kiow 3.

Awg Kaling bin Tikus 3, Guru bin Masri 3, Guat Anak Tutong 3, Jalin bin Luang 3, Kaum bin Akun 3, Jos Anak Untam 3.

Mahali bin Tusin 3, Muil bin Minggu 3, Paya bin Ampil 3, Sabeli bin Kassim/Kasim 3, Tuka bin Tujoh 3.

Sekolah Menengah Melayu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait

Rabiah bte Merzuki 5, Napre bin Rahimie 5, Labang Anak Para 5, Junau Anak Nyawing 5, Jaubit Anak Jagup 5, Jenting Anak Dadong 5.

Joudiah bte Marsal 5, Baharunsah bin Lias 5,

Abdul Hamid bin Haji Abas 5, Saubi bin Alwi 4, Saidah binte Tingkah 4, Saffiah bte Ali 4.

Pagan Anak Lungan 4, Mohd Paterin bin Awg. Buntar 4, Masor bin Basi 4, Florinda bte Majenis 4, Benya Anak Muking 4, Aminah binte Puli 4.

Aigoh Anak Kiang 4, Abu Bakar bin Jaafar 4, Zaini bin Sahbudin 3, Zamil Anak Ambang 3, Zainal Bidin bin Ambun 3, Sahperi bin Gantar 3.

Siti Anak Belansi 3, Rosnani binte Utun 3, Rokiah bte Tahir 3, Rabiah bte Yunus 3, Mansor bin Tandang 3, Jasmina bte Sukep 3.

Ibrahim bin Rais 3, Dura binte Jingan 3, Effianom bte Sarudin 3, Dayang binte Ator 3, Ali Anak Mulak 3, Abu bin Alwi 3, Abdul Khalid bin Zainal Abidin 3, Asmah bte Basri.

Chalun Persendirian Bandar Seri Begawan (S.M. Raja Isteri Fatimah)

Abdullah bin Md Daud 5, Abu Bakar bin Othman 5, Ahmad/Md Salleh bin Ag Haji Bini 5, Jaidi bin Haji Hidup 4, Maskin bin Kamsir 4, Hussin bin Haji Damit 4.

Jahari bin Hj Matnoor 4, Hasbollah bin Md Samad 4, Haji Sulaiman bin Haji Salleh 4, Barudin bin Haji Asar 4, Awang Mek-

rat bin Haji Awang 4, Abd Jalil bin Tamin 4.

Awang Ismail bin Haji Ahmad 4, Abu Bakar bin Sapor 4, Awg Mali bin Husin/Hussin 4, Ahmad bin Haji Metali 4, Ahmad bin Haji Abu Bakar 4, Ahmad bin Haji Mun-chong 4.

Ak Ghani bin Pg Tengah 4, A. Ahmad bin A. Haji Abd Mohin 4, A. Magon bin Haji Ghafar 3, Kamis bin Osman 3, Ismail bin Hassan 3, Muhammad bin Awang Haji Jambol 3.

Ismail bin Osman 3, Limpah Kongpau 3, Moktar bin Tunjol 3, Ismail bin Haji Mahmud 3, Ismail bin Md Yusof 3, Ibrahim bin Zabidi 3.

Jumaat bin Haji Ahmad 3, Mat Don bin Haji Puteh 3, Marali bin Salleh 3, Haji Awang Damit Haji Kawang 3, Dollah bin Hj Kamis 3, Bujang bin Sabtu 3.

Bolhasan bin Bagol 3, Akop bin Japar/Ahmad 3, Awg Sawas bin Jebat 3, Awg Yakib bin A Hj Jumat 3, Abbas/Ibrahim b. Hj. Abd. Rahman 3, A. Ahmad bin Hj. Chuchu 3, Abu Bakar bin Haji Ratu 3.

Awang Salim bin Abdul Hamid 3, Ak. Md. Danan bin Pg. Ahmad 3, Abd. Hamid bin Kahar 3, Abdul Kadir bin Damit 3,

Lihat muka 16

Pameran Seni Lukis dan Pertukangan Tangan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Bahagian Kesenian Jabatan Pelajaran akan menganjurkan pameran seni lukis dan pertukangan tangan bagi Sekolah Rendah Melayu dan Persediaan Inggeris kali ke-16. Pameran peringkat negeri di-jangka akan di-adakan pada bulan Jun.

Pameran tersebut terbuka kepada murid2 sekolah2 rendah dan persediaan Inggeris di-seluruh negeri Brunei dan pameran tersebut di-bahagikan kepada tiga kumpulan: Kumpulan 'A' untuk murid2 yang berumur 6 hingga 7 tahun, kumpulan 'B' bagi murid2 yang berumur 8 hingga 9 tahun dan kumpulan 'C' pula ialah untuk murid2 berumur 10 hingga 12 tahun ia-itu bagi sekolah2 Rendah Melayu.

Sementara bagi sekolah2 Persediaan Inggeris pameran tersebut juga di-bahagikan kepada tiga kumpulan di-mana kumpulan 'A' bagi murid2 Prep I, Kumpulan 'B' untuk murid2 Prep II dan kumpulan 'C' untuk murid2 Prep III.

Sa-banyak sembilan jenis lukisan dan pertukangan tangan telah di-sediakan

oleh penganjur untuk bertanding dalam pameran itu termasuk lukisan alam benda, alam semula jadi, gubahan fikiran, awan larat, poster, archa (sculpture), anyam2an, tebakan kertas dan tulisan bebas.

Sharat2 dan peratoran2 untuk memasoki pameran itu ia-lah semua lukisan2 dan pertukangan tangan hendak-lah daya usaha dan perbuatan murid2 itu sendiri dan ia-nya hendak-lah di-lekatkan di-atas kertas tebal (frame/mounting). Tiap2 peserta boleh melukis dengan pencil/warna, crayon, water colour, powder colour dan ukiran tidak lebih 16" x 12" bagi lukisan dan 16" x 18" bagi pertukangan tangan.

Di-samping itu sa-tiap peserta juga di-kehendaki menulis nama, umur, kumpulan, Darjah/Prep, sekolah dan nama lukisan dan lukisan2 dan pertukangan tangan yang telah di-pamerkan dari tahun lepas tidak akan di-terima.

Sementara itu sekolah2 Menengah dan Maktab2 termasuk sekolah2 Misi dan China ada-lah di-pelawa untuk menghantar pasukan tarian asli masing2 ka-pertandingan ta-

rian asli kali ke-tujuh yang di-jangka akan di-langsungkan dalam bulan Jun depan.

Pertandingan itu di-bahagikan kepada tiga bahagian ia-itu bahagian Sekolah2 Rendah Melayu, Persediaan Inggeris dan bagi Sekolah2 Menengah dan Maktab2 seluruh negeri.

Tiap2 pasukan hendak-lah mengandongi tidak lebih daripada 10 orang

peserta lelaki dan perempuan bagi sa-buah tarian atau berchampur dengan memakai pakaian yang berchorak keBruneian atau kebudayaan Brunei mengikut jenis tarian yang akan di-persembahkan itu.

Sa-tiap pasukan hanya akan di-benarkan membawakan tarian masing2 dalam masa yang tidak lebih daripada 10 minit dan peserta2 yang tidak hadir

pada tarikh dan waktu yang di-tetapkan ada-lah di-kira kalah dan menarek diri.

Borang2 penyertaan serta butir2 lanjut mengenai peraduan itu boleh di-dapati sekarang dari Jabatan Pelajaran, Bandar Seri Begawan dan hendak-lah di-hantar ka-tempat yang berkenaan tidak lewat dari hari Khamis 30hb. April 1981, jam 4.00 petang.

Persatuan Pendidik Nasional Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu perjumpaan antara ahli2 Jawatankuasa Interim Persatuan Pendidik Nasional Brunei dengan pihak2 yang berminat akan di-adakan pada hari AHAD 15hb. Mach 1981 jam 9.00 pagi bertempat di-Dewan Sharahan MPSHB, Gadong.

Tujuan mengadakan perjumpaan ini antara lain ia-lah untuk memberi kesempatan kepada Jawatankuasa Interim menerangkan tujuan2, cita2 dan hasrat PPNB dan juga untuk menerangkan perlembagaan persatuan dan keahlian di-samping bertukar2 fikiran dan mendengar idea2 dan pan-

dangan2 dari pihak yang berminat.

Pegawai2 Pelajaran, Pegawai2 Pelajaran Ugama, Pengetua2, Guru2 Besar, Guru2, Guru2 Ugama, Pegawai2 Pentadbir yang ada kaitan dengan perkhidmatan pelajaran, Pen-sharah2 dan Penolong2 Pen-sharah dengan ikhlasnya di-jemput hadir dalam perjumpaan tersebut.

Persatuan Pendidik Nasional Brunei atau PPNB telah di-daftarkan sebagai satu persatuan melalui surat kebenaran Pendaftaran Persekutuan2 Brunei 25/633 bertarikh 12hb. November 1980.

Di-antara tujuan2 Persatuan ia-lah:

a. Mendokong dengan sepenoh-nya kepentingan pendidikan di-Brunei selaras dengan hasrat Kerajaan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei.

b. Menggabungkan dan menyatu-padukan mereka yang terlibat di-dalam perkhidmatan pendidikan di-Brunei.

c. Mempertingkatkan taraf profesion pengajaran dan mutu pendidikan di-Brunei.

d. Mendokong dan menjaga kepentingan ahli2 bagi membolehkan mereka memberi khidmat yang sebaik2-nya dalam bidang masing2.

"RAMPAISARI" TERBITAN BAHAGIAN MELAYU RADIO AKAN DI-SIARKAN SA-CHARA LANGSONG

SA-BUAH ranchangan baru terbitan Bahagian Melayu Radio Brunei 'RAMPAISARI' akan menemui para pendengar pada sa-tiap hari Sabtu dari jam 10.30 hingga 11.30 pagi.

Ranchangan yang memakan masa sa-lama satu jam itu akan di-siarkan sa-chara LIVE dan akan di-muatkan dengan bahan2 yang di-kutip dalam kehidupan sa-harian di-negeri Brunei Darussalam ini.

Di-samping itu, penerbit ranchangan juga akan berusaha memuatkan petua2 rumah-tangga, berita2 kegiatan wanita di-sana sini ia-itu di-luar dan dalam negeri serta juga petikan2 petua2, nasehat doktor mengenai dengan kesihatan, tinjauan dan ucapan tahniah kepada suri2 rumah-tangga yang mendapat chahaya mata pertama (kiriman dari pendengar), ucapan tahniah kepada wanita yang telah mendapat kejayaan di-sa-genap bidang, panduan ekonomi rumah-tangga, sudut kechanarikan, chara2 mengurus rumah-tangga, dan mendidek anak.

RAMPAISARI akan disampaikan oleh dua orang penerbit sambil berbual-bual dan menyiarkan bahan2 yang di-kumpulkan dalam harian sa-minggu.



Kapada para pendengar yang ingin menghantar petua2 rumah-tangga sila menghubungi penerbit melalui talipon 23111, sambungan 254 dan 255 atau sa-chara surat di-alamatkan kapada: Penerbit Rampaisari, Bahagian Melayu Radio Brunei, Brunei.

Kapada ibu2 dan pendengar2 yang meminati ranchangan tersebut, jangan lupa mengikuti ranchangan RAMPAISARI tiap2 hari Sabtu jam 10.30 hingga 11.30 pagi.

Gambar menunjukkan kunjongan wakil RAMPAISARI ka-rumah sa-orang suri rumah-tangga, yang mana selain dari mengurus rumah, juga mempunyai waktu untuk bertanam2 bunga dan berkebun sayur2an. Rakam-

an-nya akan dapat di-ikuti pada ranchangan Rampaisari kedua, siaran pada 14hb Mach, 1981.

Manakala antara kandungan dalam ranchangan RAMPAISARI keluaran pertama ia-lah rahsia ke-

jayaan wanita pertama Melayu Brunei, memperolehi ijazah dalam jurusan undang2 Dayang Hayati bte Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Dato Paduka Awang Haji Mohd Salleh, dan lain2 panduan dan petua rumah-tangga.



KIEL, Martin (kiri, sa-bagai Johnny Larue) dan Taurea Blacque (Neal Washington) bergabung bakat sa-bagai detektif dalam siri drama pulis baru "Hill Street Blues" bermula Selasa depan jam 7.15 malam.

VARIA PERISTEWA menghidangkan kesah2 luar biasa

TELAH bertahun-tahun lama-nya Radio Brunei menyiarkan berita2 sensasi tentang kejayaan pakar2 perubatan termasuk kejayaan orang buta chelek semula, pemindahan jantung manusia, 'Merepair' jantung2 berlubang dan lain2.

Tetapi para pendengar barangkali belum pernah mendengar sa-orang bomoh luar biasa di-zaman sains dan teknologi ini. Bagaimana keistemewaan-nya? Dia sudah membuktikannya. Dia boleh menyembuhkan penyakit apa saja. Dari penyakit jantung hingga penyakit kanser dengan chara yang paling unik sekali ia-itu chuma dengan menyentuhkan tapak tangan-nya saja.

Di-antara pesakit2 yang telah menerima rawatan-nya di-katakan termasuk-

lah Presiden Brezhnev dari Russia dan Perdana Menteri-nya Tuan Kosygin.

Siapa-kah bomoh luar biasa itu dan berapa bayaran untuk mendapatkan sekali rawatan dari raja segala bomoh itu.

Sila-lah ikuti ranchangan Varia Peristewa keluaran hari Jumaat, 13hb Mach ini jam 2.15 petang dan kapada para pendengar yang tidak berkesempatan mengikutinya sila pastikan untuk mengikutinya ulangan-nya pada hari esok-nya jam 10.15 pagi.

Jika awda mempunyai kisah2 luar biasa sila-lah hantarkan kapada Penerbit Varia Peristewa, Radio Brunei. Asalkan kesah2 tersebut tidak di-petik dari akhbar2 atau majallah2 yang terdapat di-negeri ini.



KELIHATAN dalam gambar, Bomoh ketika sedang menyelenggarakan rawatan.

RANCHANGAN TV MINGGU INI

Pihak Radio Talivishen Brunei berhak untuk menukar mana2 jua ranchangan yang di-fikirkan perlu tanpa memberi tahu terlebih dahulu.

RABU - 11HB MAC.

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
- 4.30 KAP KAP UDANG
- 5.00 MEDITERRANEAN VENTURE
- 5.30 JOSIE AND THE PUSSY CATS IN OUTER SPACE
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.05 LITTLE LORD FAUNTILEROY
- 6.30 DR WHO — "The Androids of Tara" bahagian kedua
- 6.37 AZAN MAGHRIB
- 6.41 DR. WHO — sambongan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 DALLAS — "Trouble At Ewing 23"
- 7.48 AZAN ISHA
- 7.52 DALLAS — sambongan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.30 MAJALLAH BRUNEI
- 9.00 TOP RANK FIGHTS OF THE 70'S Pertandingan malam ini termasuk perlawanan Heavyweight di-antara Mohammad Ali dan Joe Frazier di-New York pada 28hb Januari 1974.
- 9.50 THE EIGHTH AMERICAN MOVIE AWARDS.
- 11.30 SIARAN TAMAT.

KHAMIS - 12HB MAC.

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
- 4.30 KAP KAP UDANG
- 5.00 SESAME STREET
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.05 TOM AND JERRY
- 6.30 THE TOMORROW PEOPLE — "The Blue And The Green" Bgh. 4.
- 6.37 AZAN MAGHRIB
- 6.41 THE TOMORROW PEOPLE — sambongan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 THE DREAM MERCHANTS
- 7.48 AZAN ISHA
- 7.52 THE DREAM MERCHANTS sambongan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.30 HIDAYAT
- 9.00 DUNIA MINGGU INI
- 9.30 WKRP IN CINCINNATI
- 10.00 FROM HERE TO ETERNITY
- 10.50 GREAT WESTERN THEATRE
- 12.20 SIARAN TAMAT.

JUMAAT - 13HB MAC.

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
- 4.30 KAP KAP UDANG
- 5.00 FOLLOW ME

- 5.15 CHILDREN'S SERIAL PACKAGE — "Chimpmates" Bgh. 5.

- 5.30 SCOOPY DOO AND SCRAPPY DOO "The Demon of the Dugout" Kumpulan Scooby Doo menyiasat ke-kechohan yang telah berlaku dalam perengkat akhir di-perlawanan baseball antara satu pasukan Amerika dan satu pasukan Jepun.

- 6.00 RENGKASAN BERITA

- 6.05 CARTOON

- 6.30 BARRIERS
- 6.37 AZAN MAGHRIB

- 6.41 BARRIERS — sambongan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 JAMES LAST STAR PARADE
- 7.48 AZAN ISHA
- 7.52 JAMES LAST STAR PARADE — sambongan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.30 ALAM PERTANIAN
- 9.00 SOAP — Episod 12 Jodie keluar hospital dan bersiap untuk membuat "date"-nya yang pertama.
- 9.30 HOME INTERNATIONAL RUGBY: Scotland lwn Wales.
- 11.00 QUINCY — "No Way To Treat A Flower"
- 11.50 SIARAN TAMAT.

SABTU - 14HB MAC.

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
- 4.30 KAP KAP UDANG
- 4.55 SESAME STREET
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.05 THE MERRIE MELODIES
- 6.30 BEWITCHED — "The Return of Darrin The Bold". Darrin mempunyai ilmu sihir, dengan ihsan ibu mertua-nya.
- 6.37 AZAN MAGHRIB
- 7.41 BEWITCHED — sambongan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 APHRODITE'S INHERITANCE
- 7.48 AZAN ISHA
- 7.52 APHRODITE'S INHERITANCE — sambongan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.30 MAJALLAH BRUNEI
- 8.50 SERIKANDI
- 9.20 TAYANGAN FILEM INDONESIA — "Pengorbanan" Pelakon2: Lenny Merlina, Dr. Fadly.
- 11.10 LIFELINE — Siri memaparkan dunia perubatan.
- 12.00 SIARAN TAMAT.

AHAD - 15HB MAC.

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
- 4.30 KAP KAP UDANG
- 5.00 HOW
- 5.30 THE ADVENTURES OF SUPERMAN
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.05 CHILDREN'S FEATURE — "Night Fairy"
- 6.37 AZAN MAGHRIB
- 6.41 CHILDREN'S FEATURE — sambongan



SCOOPY DOO dan "anak kemanakan-nya", Scrappy Doo. Siri katun ini dapat di-saksikan pada tiap2 hari Jumaat jam 5.30 petang.

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 LIFE ON EARTH — "The Hunters and Hunted"
- 7.48 AZAN ISHA
- 7.52 LIFE ON EARTH — sambongan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.30 BOSOM BUDDIES
- 9.00 MUTIKA
- 9.45 BACKSTAIRS AT THE WHITE-HOUSE
- 10.35 ARMCHAIR THRILLER — "The Limbo Connection" Mark, takutkan perkara Claire sabanar-nya, membuat helah yang membahayakan diri-nya dan nyawa orang lain.
- 11.00 SIARAN TAMAT.

ISNIN - 16HB MAC.

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
- 4.30 KAP KAP UDANG
- 5.00 FOLLOW ME
- 5.14 SUPER 7
- 5.35 AUDUBON WILDLIFE THEATRE — "The High Country"
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.05 OVERBOARD
- 6.30 GRAHAM'S GANG — "Kidnap" Keith telah di-cholek. Tetapi meng-apa? Oleh siapa?
- 6.36 AZAN MAGHRIB
- 6.40 GRAHAM'S GANG — sambongan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 VEGAS

- 7.47 AZAN ISHA
- 7.51 VEGAS — sambongan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.30 MAJALLAH BRUNEI
- 8.50 THE ROAD TO WEMBLEY
- 9.40 DUKES OF HAZZARD
- 10.30 PATROL BOAT — "Don't Call Me Borgia"
- 11.15 SIARAN TAMAT.

SELASA - 17HB MAC.

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
- 4.30 KAP KAP UDANG
- 5.00 THE NEW ADVENTURES OF BATMAN
- 5.30 THE SHARI SHOW
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.05 GRANGE HILL
- 6.30 CARTOON
- 6.36 AZAN MAGHRIB
- 6.40 CARTOON — sambongan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 HILL STREET BLUES (Siri baru) Satu siri drama komedi mengenai pahit getir-nya tugas2 polis dalam satu kawasan di-sebuah bandaraya.
- 7.47 AZAN ISHA
- 7.51 HILL STREET BLUES — sambongan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.30 ARENA SOKAN
- 9.00 TAYANGAN GAMBAR: "What's So Bad About Feeling Good"
- 11.00 DICKENS OF LONDON
- 11.15 SIARAN TAMAT.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia memerhatikan sa-suat ketika di-junjung melawat sa-chara dekat lagi ka-beberapa bahagian Jabatan Pelajaran.



KEBERANGKATAN Baginda Yang Dipertuan telah juga di-alu-alukan oleh barisan pegawai2 kanan jabatan tersebut. Kelihatan dalam gambar Baginda di-perkenalkan kepada pegawai2 tersebut.



BAGINDA kelihatan memerhati dan menerima penjelasan mengenai kerja2 yang di-jalankan dalam pentadbiran pelajaran oleh YAB Menteri Besar.

Melawat ka-Jabatan Pelajaran Brunei



YTM Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkih memerhatikan contoh model salah sa-buah bangunan yang di-rancang kan pembenaan-nya oleh Jabatan Pelajaran.



BAGINDA Yang Dipertuan sa-belurn meneruskan lawatan ka-lain2 bahagian Jabatan Pelajaran telah juga di-sambut dan sempat di-ziarahi oleh beberapa orang kaki-tangan jabatan tersebut.



MENDENGAR penerangan dan memerhatikan sa-sustu yang telah di-ranchang dan di-laksanakan oleh Jabatan Pelajaran dalam usaha Kerajaan Baginda menyebarkan asas2 ilmu penge-tahuan kapada seluruh raayat dan penduduk negeri ini.



KELIHATAN Baginda ketika di-junjong untok melawat salah satu bahagian Jabatan Pelajaran.



KEBERANGKATAN Baginda Yang Dipertuan ka-Jabatan Pelajaran telah juga di-iringi oleh YTM Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah yang turut di-alu-alukan oleh pegawai2 kanan Jabatan Pelajaran.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia di-ziarahi oleh pegawai2 kanan pulis ketika di-perkenalkan kepada Baginda dalam lawatan ka-pasokan tersebut.



BERBUAL mesra dengan salah sa-orang kaki-tangan awam di-



MENERIMA sa-suatu penerangan dari Penolong Pesuruhjaya Pulis, YAM Pengiran Putera Negara Pengiran Omar.



MEMERHATIKAN sambil mendengar penerang berhubung dengan peralatan senjata da



MENINJAU ka-bilek perbekalan barang2 pasokan tersebut.



MEMEREKSA barisan sa-bahagian dari anggota yunit2 pasokan

MEMBINA SA-BAWA MASHARAKAT SIHAT DAN PENOH PERSAUDARAAN

SUDAH menjadi tabiat semula jadi manusia bahawa kita ada-lah makhluk suka bergaul, berkumpul dan berkenalan-kenalan antara satu dengan lain. Kerana dengan jalan itu kita akan mendapat berbagai2 faedah dan dapat memudahkan kita bantu-membantu dalam menda-patkan keperluan hidup, dan dapat meringankan beban masing2. Sa-kira-nya kita hidup sendiri2 pasti-lah kita akan menghadapi berbagai-bagai ke-sukaran dalam segala2-nya, bahkan sampai kita mati pun masih memerlukan pertolongan dan bantuan orang lain untuk menguburkan kita, kerana kita tidak dapat masuk ka-liang kubur sendiri.

Sebab itu kita ada-lah saling perlu-memerlukan antara satu dengan lain, kita berhajatkan teman dan perhubungan dengan orang lain.

Islam sa-bagai satu agama yang memberi petunjuk dalam kehidupan manusia, tidak pula mengabaikan soal pergaulan ini. Islam telah menetapkan hukum bahawa ada-lah menjadi kewajiban yang mutlak bagi tiap2 orang untuk selalu berusaha agar supaya perhubungan-nya antara satu dengan yang lain sentiasa baik. Yakni tali silaturrahim jangan sampai terputus terutama sa-kali dengan kaum kerabat, dan jangan membunuh inyaya dan jangan khianat terhadap orang lain.

Kerana itu untuk membina suatu masyarakat yang sihat dan penoh dengan rasa persaudaraan dan kerukunan sudah samesti-nya-lah tiap2 anggota masyarakat itu sentiasa memelihara tata-susila bermasyarakat ia-itu



dengan memileki akhlak yang baik, yang mana di-antara-nya ia-lah ber-sifat jujur, boleh di-perchayai dan tiada berdusta baik terhadap sa-sama manusia atau kepada Allah Taala.

Sa-balik-nya sifat tidak jujur, tidak boleh di-perchayai dan suka berbohong ada-lah menjadi sumber segala kejahatan.

Kerana sifat tidak jujur-lah orang berani menerima rasuah. Kerana sifat tidak jujur-lah orang berani menipu. Kerana sifat tidak jujur-lah orang berani berlaku inyaya. Kerana sifat tidak jujur-lah orang berani berkhianat kepada bangsa, negara dan ugama.

Rasulullah s.a.w. pernah bersabda antara lain bermaksud: "Maka sa-sungguh-nya berbohong itu menonton kepada dosa dan dosa itu menonton kepada neraka."

Dan sifat bohong dan tiada jujur itu ada-lah salah satu ciri sifat2 orang munafik. sa-bagaimana sabda Rasulullah s.a.w. yang kira2 bermaksud: "Empat perkara yang barang siapa ada pada-nya empat perkara itu ia benar2 sa-bagai sa-orang munafik. Dan barang siapa ada pada-nya salah satu dari empat perkara itu nescaya ia ada mempunyai sifat munafik sa-bahagian daripada munafik sa-hing-

ga-lah ia meninggalkan sifat itu. Empat perkara itu ia-lah: Kalau ia berchakap ia bohong, kalau ia berjanji ia mungkir, kalau ia ditangggalkan amanah ia khianat, dan kalau ia berbantah ia tiada pernah mengalah (sekali pun ia dipehah yang salah).

Bagi kelancaran pembangunan masyarakat dan negara kita baik di-bidang kebendaan lebch2 lagi di-bidang kerohanian, sa-tiap orang wajib-lah bersifat jujur, amanah dan lurus. Jujur dalam perchakapan, jujur dalam perbuatan dan jujur dalam niat. Jika tidak, sudah pasti ada saja kepinchangan, ada saja kelambatan, ketidak-lancaran, kebuntuan akan berlaku.

Oleh yang demikian mari-lah kita mengikuti tuntutan ugama kita supaya kita sentiasa bersifat jujur dalam segala hal demi untuk kesejahteraan dan kemajuan hidup kita baik di-dunia mahu pun di-akhirat.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 11hb Mach, 1981 hingga ka-hari Selasa 17hb Mach, 1981 ada-lah saperti di-bawah ini: —

Hari	Matahari						
	Bulan	Dzuhoir	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh Terbit
11hb Mach	12.35	3.54	6.37	7.48	4.58	5.12	6.27
12hb Mach	12.35	3.54	6.37	7.48	4.58	5.12	6.27
13hb Mach	12.35	3.54	6.37	7.48	4.58	5.12	6.27
14hb Mach	12.35	3.54	6.37	7.48	4.58	5.12	6.27
15hb Mach	12.35	3.54	6.37	7.48	4.58	5.12	6.27
16hb Mach	12.33	3.52	6.36	7.47	4.56	5.10	6.25
17hb Mach	12.33	3.52	6.36	7.47	4.56	5.10	6.25

Waktu2 sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12.45 tengah hari.

Ajaran sesat

Dari muka 2

kapada Allah, hati yang telah berchahaya oleh sinaran takwa kapada Allah.

Kerana itu ada-lah amat penting bagi belia2 Islam supaya berusaha pada membentok keperibadian mereka berdasarkan ajaran2 Islam yang sa-benar, dan ada-lah perlu supaya mereka mengetahui benar2 akan ajaran2 Islam dan kesuchian Islam, dan sanggup pula mempertahankan kesuchian itu.

AJARAN SESAT

Sa-bagai mithal bahawa usaha2 untuk meruntuhkan masyarakat Islam untuk memporak-parandakan Ugama Islam, untuk mengachau ajaran2 Islam, ada-lah sa-suatu usaha yang tidak putus2-nya, sama ada datang-nya sa-chara sulit, mahu pun sa-chara terang, maka termasuk di-dalam kegiatan2 saperti itu ia-lah ajaran2 sesat yang kunun-nya ajaran2 itu berdasarkan ajaran2 Islam yang sa-benar-nya.

Sa-bahagian daripada ajaran2 sesat itu mendu-kong (4) perinsip: —

1. Mematikan akal
2. Bersembunyi2
3. Mengejar kekayaan
4. Memuaskan hawa nafsu.

Pemimpin2 ajaran2 sesat itu kadang2 mendakwa bahawa mereka mempunyai ilmu ghaib, mempunyai kuasa ghaib, mereka pun mengembangkan ajaran2 sesat mereka, melalui berbagai chara termasuk-lah ilmu sihir, termasuk-lah pukau, sa-hingga akal pengikut2-nya di-matikan, kerana mereka di-suruh perchaya bulat2 kapada pemimpin2 mereka itu, dan ajaran2 itu tidak boleh di-sebarkan tanpa kebenaran daripada guru itu.

Ajaran2 yang sa-demi-kian di-sebarkan sa-chara bersembunyi2, ia tidak boleh di-bising2kan, ia berlegar di-kalangan orang2 yang menuntut-nya saja sebab-nya ia-lah penuntut2 ajaran2 itu ada-lah orang2 yang terpilih dan menda-pat jaminan shorga "First Class," dan orang lain ti-

dak boleh berkongsi shorga First Class itu, demikian-lah kata mereka.

Guru2 yang sa-demi-kian menghendaki bayaran2 yang tertentu, umpama-nya ada 12 chapter ajaran2 itu, mula2 di-kenakan bayaran masok, di-susuli oleh bayaran chapter pertama, kemudian masok chapter kedua di-kenakan bayaran lagi dengan kadar2 yang tertentu, chapter2 itu termasuk-lah bachean dan kadang2 silat2an dan kadang2 dukun2an, urut mengurut dan lain2 lagi. Dan kadang2 di-masokan-lah bachean2 umpama-nya saperti berikut: —

1 — سبحان الله والحمد لله ولا اله الا الله والله اكبر

2 — يا الله يا حي يا قيوم يا عظيم يا رب العالمين

3 — الله اكبر يا ذا الجلال والاکرام

4 — لا اله الا انت سبحانك انى كنت من الظالمين

5 — اللهم انا نجعلك في نحورهم ونعوذ بك من شرورهم

6 — وما رميت اذ رميت ولكن الله رمى

7 — صم بكم عمي فهم لا يرجعون

Yang ke-empat ia-lah memuaskan hawa nafsu, maka di-antara ajaran2 sesat itu ada amalan2 apa yang di-panggil-nya sa-bagai ratib, mereka beratib beramai2 berchampur laki2 dan perempuan dalam keadaan gelap gelita, maka beratib-lah mereka sa-hingga tidak sedarkan diri, dan kemudian berlaku-lah apa yang boleh berlaku, kerana, semua dalam keadaan bebas di-antara lelaki dan perempuan, itu-lah di-antara sa-bahagian-nya ajaran2 sesat yang mengatakan bahawa mereka menchapai shorga, termasuk-lah shorga dunia.

(bersambung)

KEMANISAN IMAN

Bingkisan
minggu
ini

KITA di-jadikan oleh Allah di-atas muka bumi ini ada-lah sa-mata2 untuk menyembah-Nya, untuk menta'ati-Nya dan untuk memperbisaikan lagi suasana yang terdapat di-dalam alam ini. Maka dengan itu segala persediaan telah pun di-sediakan oleh Allah s.w.t. hanya ter-serah-lah sahaja lagi kapada sa-tiap manusia untuk menentukan-nya, sama ada mereka memilih perbuatan yang berkebaikan atau pun perbuatan yang berupa keburokan.

Sa-bagai manusia yang terdedah kapada segala dugaan2 atau chabaran2 hidup yang menyulitkan, Allah telah memberikan kapada manusia itu satu jentera yang sangat2 aktif pergerakan-nya ia-itu AKAL. Dengan jentera ini ia-nya akan dapat menolong manusia itu untuk menentukan mana yang baik dan mana yang buruk, sa-belum manusia itu melakukan satu2 penentuan.

Di-atas pemberian akal yang telah di-korbankan oleh Allah s.w.t. itu kapada manusia, Allah juga telah memerintahkan manusia untuk merasakan sendiri tentang kemanisan iman, mungkin kita tidak akan dapat merasakan-nya kalau-lah kita tidak menchari-nya dengan bersungguh-sungguh, memang benar perkara ini ada-lah satu perkara yang mustahil bagi orang2 yang ashek berkhayal dengan dunia kemewahan-nya dan se-ring pula lupa akan perin-

tah2 Allah, tetapi kemanisan iman itu akan dapat di-rasakan oleh orang2 yang sentiasa mengingati Allah dan menunaikan segala perintah2-Nya dan di-samping itu mereka tetap juga menunaikan hak2 hidup saperti menchari rezeki dan lain2 lagi kerana hak2 hidup itu ada-lah wajib bagi sa-tiap manusia untuk menunaikan-nya asal saja ia-nya tidak bertentangan dengan kehendak2 Allah.

Di-dalam sa-buah hadis Rasulullah s.a.w. yang di-riwayatkan oleh Al-Bukhari dan Muslim Baginda bersabda yang kira2 bermaksud: —

"Terdapat tiga perkara, barangsiapa ada yang tiga itu pada-nya, merasa-lah ia kemanisan iman, ia-itu; Allah dan Rasul-Nya lebeh di-chintai oleh-nya daripada yang sa-lain kedua-Nya, dan ia menchin-tai-nya melainkan kerana Allah, dan dia membenchi kufur, sa-bagai ia membenchi orang men-champakkan-nya ka-dalam api neraka."

241 org memelok ugama Islam

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 241 orang termasuk kanak-kanak telah di-sahkan memelok Ugama Islam di-negeri ini sa-panjang tahun 1980 berbanding dengan tahun 1979 sa-ramai 298 orang telah memelok Ugama Islam.

Dari jumlah tersebut Daerah Brunei dan Muara menchatikan sa-ramai 99 orang memelok Ugama Islam di-ikuti oleh Daerah Kuala Belait 90 orang (daerah yang terbanyak dalam tahun 1979). Manakala Daerah Tutong sa-ramai 40 orang dan Daerah Temburong sa-ramai 12 orang. Penduduk asli yang terbanyak sa-kali memelok Ugama Islam sa-panjang tahun lepas ia-lah Dusun di-ikuti oleh Iban dan sa-lebeh-nya ada-lah China dan lain2 bangsa.

TELAH di-riwayatkan daripada Al-Imam An-Nawawi dalam kitab Al-Azkar yang di-petek dari kitab Al-Imam Ibn Al-Sunni daripada sahabat Abi Musa Al-Ash'ari (Radhiallahu 'Anhu) katanya:

Telah bersabda Rasulullah (Sallallahu 'Alaihi Wassallam):

مَنْ أَصَابَهُ هَمٌّ أَوْ حَزَنٌ فَلْيَدْعُ بِهَذِهِ الْكَلِمَاتِ يَقُولُ:

Erti-nya: "Barang siapa dapat bimbang dan mengalami dukachita, maka hendaklah ia berdoa begini:

DO'A PERTAMA

lalai dari berdo'a dengan perkataan2 tersebut, maka jawab Rasulullah:

أَنَا عَبْدُكَ ابْنُ عَبْدِكَ ابْنُ
أَمَتِكَ فِي قَبْضَتِكَ نَاصِيَتِي
بِيَدِكَ مَا ضَرَفْتُ حُكْمَكَ عَدْلٌ
فِي قَضَاؤِكَ أَسْأَلُكَ بِكُلِّ
اسْمٍ هُوَ لَكَ سَمِيَةٌ بِوَاقِعٍ
أَوْ أَنْزَلْتَهُ فِي كِتَابِكَ أَوْ
عَلَّمْتَهُ أَحَدًا مِنْ خَلْقِكَ
أَوْ أَسْتَأْذِنْتَ بِهِ فِي عِلْمٍ
الْغَيْبِ عِنْدَكَ أَنْ تَجْعَلَ
الْقُرْآنَ نُورَ صَدْرِي وَرَيْحَ
قَلْبِي وَجَلَاءَ حَزَنِي وَوَدَّاعًا
هَمِّي

Erti-nya: "Saya hamba-Mu ya, Tuhan, anak kapada hamba-Mu (yang laki2) dan anak kapada hamba-Mu (yang perempuan), didalam genggamannya (kuasa-Mu) ya, Tuhan. Diri hamba di-bawah perintah-Mu ya, Tuhan, berlaku-lah di atas diri hamba segala hukum-Mu, adil segala qadha hamba, hamba memohon dengan menyebut sa-tiap nama-Mu, yang telah Engkau namakan bagi diri-Mu, atau tiap2 nama-Mu, yang telah Engkau turunkan didalam kitab2, atau tiap2 nama-Mu, yang telah Engkau ajarkan kepada sa-seorang daripada makhluk Engkau, atau tiap2 nama-Mu, yang telah Engkau simpan di-sisi-Mu sendiri yang tiada di-ketahui oleh sa-siapa pun dalam alam ghaib, hamba-Mu memohon agar di-jadikan Kor'an itu cahaya (Nur) dalam dada hamba yang dapat melapangkan hati hamba, maka lenyap-lah dukachita hamba, dan hilang kebimbangan hamba."

Maka sa-orang sahabat yang ada dalam majlis Rasulullah (Sallallahu 'Alaihi Wassallam) berkata: Ya Rasulullah; ada-kah orang yang lalai ia-lah siapa yang

أَجَلٌ، فَقُولُوا هُنَّ وَسَلِّمُوا
فَأَنَّهُ مَنْ قَالَهُنَّ الْتَمَسَ مَا
رَفِيعٌ أَذْهَبَ اللَّهُ تَعَالَى
حَزَنَهُ وَأَطَالَ فَرْحَهُ .

Erti-nya: "Ya, (benar), maka hendaklah kamu sebutkan perkataan2 itu (berdo'a) dan ajarkan orang lain akan do'a itu, kerana bahawasanya barang siapa berkata2 dengan perkataan2 itu dengan penuh yakin dan untuk mendapat menaf'at dari perkataan2 itu, nescaya Allah Ta'ala akan lenyapkan dukachita-nya, dan lanjutkan sukachita-nya."

Telah di-riwayatkan daripada Al-Imam An-Nawawi (Rahimahullahi Ta'ala) dalam kitab Al-Azkar dari kitab Al-Imam Ibn As-Sunni daripada sahabat Saad bin Abi Waqas (Radhiallahu 'Anhu) kata-nya: Saya telah mendengar Rasulullah (Sallallahu 'Alaihi Wassallam) bersabda:

إِنِّي لَا أَعْلَمُ كَلِمَةً لَا يَقُولُهَا
مَكْرُوبٌ إِلَّا فُرِّجَ مِنْهُ: كَلِمَةٌ
أَخَى يُؤْتِيهِ اللَّهُ عَلَيْهِ
وَسَلَّمَ، فَتَادِي فِي الظُّلُمَاتِ:
أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ
إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ .

Erti-nya: "Bahawa saya sa-sungguh-nya mengetahui akan fadhilat satu kalimah, tiada-lah kalimah itu di-bacha oleh sa-orang yang dalam keadaan bimbang melainkan di-lepaskan dia dari kebimbangan-nya itu, ia-itu-lah kalimah saudara saya Nabi Yunus (Sallallahu 'Alaihi Wassallam) ketika dalam gelap gelita diperut ikan di-bawah dasar laut ia berdoa berbunyi:

DO'A KEDUA

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي
كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ .

(Cherita Nabi Yunus ditelan oleh ikan ada disebut dalam Kor'an).

Ayat ini sa-benar-nya ada-lah sa-potong dari ayat di-dalam Al-Kor'an Al-Karim. Tafsir-nya: (Tiada-lah Tuhan yang sa-benar melainkan Tuhan hamba jua, Maha Suci Tuhan dari segala kekurangan, bahawa hamba adalah daripada golongan orang yang mendzalimkan diri sendiri). Erti dzalim itu di-sini ia-lah membuat sa-suatu perkara yang bukan patut di-buat, umpamanya sa-seorang itu diperintahkannya membuat suatu perkara yang tertentu tetapi di-buat-nya pula perkara lain, dalam erti kata yang lain sama-lah dengan melanggar ajaran Allah Ta'ala.

Perkara ini di-perkuatkan lagi oleh riwayat Al-Imam At-Termizi daripada sahabat Saad (Ibn Abi Waqqas) kata-nya: Rasulullah (Sallallahu 'Alaihi Wassallam) telah bersabda:

دَعَاؤُ ذِي النُّونِ إِذْ دَعَا
رَبَّهُ وَهُوَ فِي بَطْنِ الْحُوتِ:
لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي
كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ، لَمْ
يَدْعُ بِمَا رَجُلٌ مُسْلِمٌ فِي شَيْءٍ
قَطُّ إِلَّا اسْتَجَابَ .

Erti-nya: "Do'a Zin Nun (gelaran Nabi Yunus) ketika ia sedang di-dalam perut ikan yang telah mene-

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS



HAJI ISMAIL BIN OMAR ABDUL AZIZ
[YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri
Utama] D.K. P.S.S.U.B. D.S.L.J. S.M.B.
P.H.B.S. P.J.S. Ashar dan U. Caine, Muf.

Do'a2 menghilangkan dukachita

Siri ke-70

lan Nabi Yunus di-bawah dasar laut, ia-lah:

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي
كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ .

Tiada sa-orang laki2 Islam (atau perempuan) berdo'a dengan-nya di-dalam sa-suatu perkara yang berlaku, melainkan Allah Ta'ala terima do'a-nya itu.

Firman Allah Ta'ala.

وَأَسْتَغْفِرُ لَذَنِّكَ وَلِلْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ .

Tafsir-nya: "Hendaklah kamu Ya, Rasulullah meminta ampunkan bagi dosa kamu dan bagi dosa orang2 mu'min dan orang2 mu'minat (laki2 dan perempuan)."

Chara do'a minta ampun bagi diri sendiri ibu bapa, dan orang mu'min laki2 dan perempuan ia-itu sa-bagaimana yang ada di-dalam Kor'an berbunyi:

DO'A KETIGA

(A)

رَبَّنَا اغْفِرْ لَنَا وَلِإِخْوَانِنَا
الَّذِينَ سَبَقُونَا بِالْإِيمَانِ

Tafsir-nya: "Hai Tuhan kami ampunkan kami dan saudara2 kami yang telah beriman dahulu sa-belum lagi kami beriman.

(B)

رَبَّنَا اغْفِرْ لِي وَلِوَالِدَيَّ
وَلِلْمُؤْمِنِينَ يَوْمَ يَقُومُ الْحِسَابُ

Tafsir-nya: "Hai Tuhan kami ampunkan hamba, dan dua ibu bapa hamba dan orang mu'min laki2 dan perempuan pada hari kiamat ia-itu hari kira mengira segala amal (petbuatan) dan kelakuan."

Menurut suatu riwayat

oleh Al-Imam Muslim daripada sahabat Abi Darda' (Radhiallahu 'Anhu) bahawa Rasulullah (Sallallahu 'Alaihi Wassallam) pernah bersabda:

دَعَاؤُ الْمَرْءِ الْمُسْلِمِ لَا خَيْرَ
بِظَهْرِ الْغَيْبِ مُسْتَجَابٌ عِنْدَ
رَأْسِهِ مَلَكَ مُوَكَّلٌ كُلَّمَا دَعَا
لَا خَيْرَ بِيْخِرٍ، قَالَ الْمَلَكُ
الْمُوكَّلُ بِهِ آمِينَ وَلَكَ بِعَثَلٍ .

Erti-nya: "Do'a orang muslim bagi saudara-nya (orang2 Islam) ketika saudaranya itu tiada ada hadir bersama2-nya (ghaib) ada-lah mustajab, di-sisi kepala-nya ada Malaikat yang di-perintahkannya bagi mengawal-nya, bila2 ia berdo'a bagi saudaranya dengan perkara yang baik dan kebajikan." Maka Malaikat yang berkawak-atas-nya itu berkata: "Amin", erti-nya "Allah terima-lah do'a kamu, dan bagi kamu kebajikan sa-perti kebajikan yang kamu pohonkan untuk saudara kamu itu."

Demikian-lah tiga buah do'a untuk menghilangkan perasaan bimbang dukachita dalam menghadapi sa-suatu masaalah atau dalam kehidupan sa-hari2. Saya ijazahkan do'a2 Rasulullah (Sallallahu 'Alaihi Wassallam) dan do'a memohon ampun yang di-petek dari Al-Kor'an Al-Karim sa-bagaimana di atas tadi kapada mereka yang suka beramal dengan-nya. Moga2 Allah Ta'ala menerima dan memakbulkan-nya.

WALLAHU A'ALAM

BERANGKAT MELAWAT PASOKAN PULIS DIRAJA BRUNEI



BERANGKAT ka-bilek Pasokan Pancharagam Pulis Diraja Brunei.




kemudahan yang di-miliki oleh Pasokan Pulis Diraja Brunei.



MENINJAU lebih dekat dan bertanya sa-suatu (gambar sebelah kanan dan bawah) mengenai kerja2 pelaksanaan Pasokan Pulis Diraja Brunei yang di-jalankan oleh kaki-tangan awam wanita.



lengkap dengan peralatan senjata.



Keputusan Peperiksaan Sijil Pelajaran S'pura/Cambridge

Dari muka 7

Ahmad bin Uga 3, A. Abd. Rahman bin A. Haji Md. Taib 3.

Ali Hassan bin Haji Bakari 3, Ahmad bin Awg. Daud 3, Abas bin Jaludin 3, Abd. Karim bin Hj. Abd. Rahman 3, Awg. Bujang bin Awg. Ajak 3, Ali bin Akil 3, Abd. Aziz bin Karim 3.

Chalun Persendirian (Sekolah Menengah S.M.J.A.)

Halimah binte Abd. Ghafar 5, Fatimah bte Ahmad 5, Hajjah Asmah bte Haji Sulaiman 5, Juliana bte Karna 5, Maseni bte Haji Libut 5, Mariani binte Hj. Md. Daud 5.

Rohani binte Hj. Awg. Tengah 4, Siti Zannah bte Haji Besar 4, Sariah binte Mahmud 4, Sadiyah/Pias binte Ludin 4, Zaharah binte Abu Bakar 4, Maznah binte Hussain 4.

Mastura bte Zainal 4, Masni binte Haji Manaf 4, Norsiah bte Haji Muhammad 4, Norzainah bte Haji Mohammad 4, Masunah bte Omar 4, Masnah binte Haji Jalil 4.

Naayah bte Hasshim/Hasim 4, Nikmah binte Tassan 4, Noraini bte Abd. Rani 4, Norsiah bte Samsuddin 4, Jalia/Sarbanun bte Abd. Rahman 4, Halimah bte Haji Ibrahim 4, Hajjah Napsiah bte Hj Ratiman 4.

Hajjah Fatimah bte Hj Abd Karim 4, Hajjah Amas bte Haji Md Yusof 4, Hjh Dy Hidup bte Hj Ibrahim 4, Fatimah bte Hj Mohammad 4, Fatimah binte Haji Abd Ghani 4, Dy Emas bte Haji Abdul Hamid 4.

Fatimah bte Awang Salleh 4, Dy Siti Asmah bte Hj Abd Kadir 4, Dy Bungsu bte Hj Md Taim 4, Noorsiah bte Haji Nudin 3, Rahimah bte Haji Abdullah 3, Ramni bte Seruji 3.

Rokiah bte Abd Rahman 3, Rasiah bte Awang Hj Abdullah 3, Saipah bte Haji Tuah 3, Sitiara binte Yahya 3, Rohana bte Hj Taha 3, Maimunah bte Abdullah 3.

Norsiah bte Hj Ahmad 3, Pg Rosni binte Pg Ismail 3, Norsiah bte Abd Ghafar 3, Rosni bte Ahmad 3, Marsiah binte Bakir 3, Minah/Habibah bte Daud 3.

Nilam binte Haji Ibrahim 3, Norjainah binte Jumat 3, Maimunah bte Hussin 3, Kaiashah bte Nayan 3, Lasminah Hj Mohd Said 3, Kayah binte Kassim 3.

Jabidah bte Awg Besar 3, Jaliah bte Nudin/Nordin 3, Jamaliah binte Ag

Besar 3, Jabiah binte Haji Tunggol 3, Jeliah binte Haji Yassin 3, Indun bte Haji Kahar 3.

Halifah bte Jahat 3, Hapsah binte Haji Abd Ghani 3, Dayang Fatimah binte Kadir 3, Dayang Miga binte Sadik 3, Dk Aishah bte Pg Md Said 3, Dayang Armah binte Ajak 3, Dayang Aisah binte Hj Othman 3.

Chalun Persendirian (Sekolah Melayu Pular Ulak), B.S. Begawan

Zulkefli bin Abu Bakar 6, Nawawi bin Hj Saat 5, Mohammad bin Jaya 5, Mohammad bin Salleh 5, Sulaiman bin Hj Laki 4, Pg Othman b Pg Hj Besar 4, Sharipuddin bin Haji Sa'at 4, Md Yazid bin Ibrahim 4, Md Salleh bin Hj Pudin 4, Matali bin Hj Mumin/Hj Momin 4, Dk Siti Ketijah bte Pg Husin 4, Dyg Siti Samah bte Awang Besar 4.

Dayang Katijah binte Othman 4, Dk Saadiah bte Pg Hj Tuah 4, Bidah bte Haji Jumat 4, Aisah bte Morni 4, Zinni bin Haji Lamat 3, Nayan bin Muhammad 3, Pg Idris bin Pg Ismail 3.

Sulaiman bin Chuchu 3, Metali bin Haji Karnis 3, Suhaili bin Jais 3, Raman bin Osman/Talib 3, Zainuddin/Januddin b Hassan 3, Pg Ismail/Pg Hidup bin Pg Damit 3.

Serudin bin Sitai 3, Tengah bin Md/Tahir 3, Suhaili bin Hj Md Daud 3, Dk Basrah bte Pg Ahmad 3, Mataim bin Ahad 3, Murni bin Abu Bakar/Santi 3, Mohsin bin Mohd Taha 3.

Md Ali bin Hj Yahya 3, Dy Zainab binte Abdullah 3, Mohd Basir bin Hj Khatam 3, Md. Arshad bin Md. Hassan 3, Md. Nasar bin Samat/Samad 3, Matussin bin Hj Awg, Damit 3, Dk. Juata bte Pg.

Haji Damit 3.

Dayang Tuah binte Talib 3, Dy. Maimunah bte Md. Salleh 3, Aisah bte Abd. Hamid 3, Armah bte Awang Damit 3, Aisah bte Abdul Rahman 3, Alimah binte Hj. Tudin 3, Asmah bte Paidi 3.

Chalun Persendirian (Sekolah Menengah Melayu Muhammad Alam, Seria)

Salim bin Aman/Rahman 4, Mariam bte Hj. Menudin/Manudin 4, Rupiah bte Alias/Elias 4, Siti Ramat bte Aspal 4, Seliha bte Abd. Hamid 4, Siti Minah binte Awg. Taha 4.

Chong Ah Fok 4, Hasmin bin Hamud 4, Hussain bin Haji Hassan 4, Mohd. Hassan bin Abdullah 4, Mazne bin Abd. Lahak 4, Saban bin Timbang 3.

Singok bin Gampar 3, Umbu bin Ahmad 3, Zainal bin Japar 3, Suhaimi bin Hj. Besar 3, Dayang Edah/Jijah binte Naim 3, Dk. Mariam bte Pg. Haji Ali 3.

Dayang Piah bte Hj. Karim 3, Hamsiah binte Haji Mohd. Hussain 3, Hawa bte Mahmud 3, Hjh. Siti Patimah bte Haji Omar 3, Isah bte Mahari 3, Masnah/ Mesenah bte Abd. Rahman 3.

Norhayati binte Hamdi 3, Napsiah bte Nickman 3, Rahman bte Hj. Mohd. Walli 3, Siti Maimon bte Mohd. Buntar 3, Sh. Halimah bte Wan Abd. Rahman 3, Siti Alam binte Ahmad 3, Teo Ah Chau/Achau bte Asong 3.

Zainun bte Siput/Mustafa 3, Zainun binte Abu Bakar 3, Alias bin Awang Taha 3, Abdul Kadir Haji Hassan 3, Halim bin Kunchol 3, Harun bin Saban 3, June bin Suhaili 3, Mahrup bin Md Yassin 3, Minor Absah bin Abd Samad 3.

Harga barang2 keperluan harian

SAPERTI biasa di-bawah ini di-chatetkan beberapa jenis barang2 keperluan sa-hari2 yang di-dapati di-jual dengan harga yang lebih sederhana rendah di-kedai2 Bandar Seri Begawan, Kuala Belait dan Seria. Adalah di-ingat kan kepada orang ramai bahawa barang2 yang tersebut di-bawah ini bermula dari minggu 4hb Mach, 1981.

BANDAR SERI BEGAWAN

1. SAYOR KINCHAM — \$3.40 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut: —
Chop Nam Fung,
No. 114, Bangunan Guru2 Melayu Brunei.
2. KULAT KERING (Bertangkai) — \$2.10 sa-tahil boleh di-beli dari kedai berikut: —
a. Liong Yu Company,
No. 58, Jalan Sultan.
b. Chop Hock Huat,
No. 62, Jalan McArthur.
3. KACHANG TANAH — \$1.80 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut: —
Chee Guan,
No. 4, Jalan McArthur.
4. BAWANG MERAH — \$1.40 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut: —
Tan Eng Huat,
No. 111, Bangunan Guru2 Melayu Brunei.
5. UBI KENTANG — 80 sen sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut: —
a. Soum Huat,
No. 28, Jalan Sultan.
b. Ming Thai Company,
No. 32, Jalan Sultan.

KUALA BELAIT

1. SAYOR KINCHAM — \$4.80 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut: —
a. Ng Ming Hong,
Bangunan Dewan Perdagangan China.
2. KULAT KERING (Bertangkai) — \$2.80 sa-tahil boleh di-beli dari kedai berikut: —
Chin Fatt,
No. 60-B, Jalan Pretty.
3. KACHANG TANAH — \$2.00 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut: —
a. Chop Hwa Min,
Bangunan Dewan Perdagangan China.
b. Teo Heng Hng,
No. 45, Jalan Pretty.
c. Chop Yee Seng,
No. 46, Jalan Pretty.

4. BAWANG MERAH — \$1.50 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut: —
a. Sharikat M. Haji,
No. D-2, Bangunan Dewan Perdagangan China.
b. Yick Yuen,
No. 3, Jalan Pretty.
5. UBI KENTANG — 90 sen sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut: —
Ng Ming Hong,
Bangunan Dewan Perdagangan China.

SERIA

1. SAYOR KINCHAM — \$4.00 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut: —
Poh Seng,
No. 65, Jalan Bunga Kenanga.
2. KULAT KERING (Bertangkai) — \$2.50 sa-tahil boleh di-beli dari kedai berikut: —
Poh Seng,
No. 65, Jalan Bunga Kenanga.
3. KACHANG TANAH — \$2.00 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut: —
a. Chop Yick Hoe,
No. 7, Jalan Sultan Omar Ali.
b. Wong Wah Seng Trading,
No. 73, Jalan Bunga Kenanga.
4. BAWANG MERAH — \$1.50 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut: —
a. Chop Siong Huat,
No. 54, Jalan Bunga Kuning.
b. Chop Nam Wah,
No. 64, Jalan Bunga Kenanga.
5. UBI KENTANG — 90 sen sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut: —
a. Chin Siong Hin,
No. 3, Jalan Sultan Omar Ali.
b. Chop Kun Mee,
No. 6, Jalan Sultan Omar Ali.
c. Chop Yick Hoe,
No. 7, Jalan Sultan Omar Ali.
d. Chop Koh Seng,
No. 17, Jalan Sultan Omar Ali.
e. Foo Hap Shing,
No. 20, Jalan Sultan Omar Ali.

Sijil Perdagangan Brunei bulan Jun

BANDAR SERI BEGAWAN

— Lembaga Peperiksaan Brunei mengemukakan bahawa peperiksaan Sijil Perdagangan Brunei akan di-adakan pada bulan Jun yang mana tarikh peperiksaan tersebut akan di-umumkan kemudian.

Pendaftaran bagi memasuki peperiksaan itu akan berakhir pada 5hb. April, 1981. Oleh yang demikian chalu2 dari kelas dewasa yang hendak memasuki peperiksaan itu adalah di-kehendaki mendaftar melalui guru2 dan penye-

lia2 pelajaran dewasa di-sekolah masing2. Bagi chalu2 persendirian pula boleh-lah mendaftar terus ka-Pejabat Lembaga Peperiksaan tidak lewat dari tarikh yang di-tetapkan.

Di-samping itu chalu2 di-kehendaki menghantar segala keterangan2 (di-tahun2 yang lepas) di-dalam borang permohonan masuk yang di-sediakan oleh Lembaga Peperiksaan.

Guru2 kelas perdagangan ada-lah di-ingatkan supaya dapat merujuk dan berpanduan kepada bu-

ku2 berikut apabila mengisi borang yang berkenaan: — ia-itu peratoran dan sukatan pelajaran peperiksaan Sijil Perdagangan dan Nota dan Panduan Bagi guru2 dan chalu2 dalam peperiksaan menaip.

Buku2 panduan tersebut telah pun di-edarkan kepada guru2 kelas perdagangan. Bagi guru2 yang belum mempunyainya ada-lah di-persilakan datang ka-Pejabat Lembaga Peperiksaan, Brunei untuk mendapatkan-nya.

ANALISA KEPUTUSAN SIJIL AM PELAJARAN SINGAPURA-CAMBRIDGE (PERENGKAT BIASA) 1980

CHALUN SEKOLAH

Nombor	Nama Sekolah/Pusat	Jumlah Chalun Dudok	Jumlah SAP yang di-peroleh	Jumlah Lulus SAP 3-8	Peratus Lulus SAP 3-8
822	SMA Hassanah Bolkiah	25	2 4 3 6 3 3 4 0 0	21	84.00
823	SMM Muda Hashim, Tutong	91	2 2 13 20 22 18 5 9	59	64.84
830	SMM Ahmad Tajuddin, KB	64	— — — 9 17 18 8 —	38	59.38
820	MMPBS/Sekolah Sains	120	— — 7 11 17 25 31 22 7	60	50.00
821	SM SMJA	156	2 3 5 13 32 57 32 12	55	35.26
	JUMLAH PERATUS	456	2 8 15 44 64 100 128 67 28	233	51.10
			00.44 01.75 03.29 09.65 14.04 21.93 28.07 14.69 06.14	51.10	

CHALUN PERSENDIRI

Nombor	Nama Sekolah/Pusat	Jumlah Chalun Dudok	Jumlah SAP yang di-peroleh	Jumlah Lulus SAP 3-8	Peratus Lulus SAP 3-8
826	SM SMJA	161	— — — 6 28 34 31 31 31	68	42.24
824	SM Raja Isteri Fatimah	147	— — — 3 17 36 34 35 22	55	38.10
827	SM Pular Ulak	157	— — — 1 3 12 30 38 43 30	46	29.30
828	SMM Muhammad Alam, Seria	167	— — — — 11 29 42 58 27	40	23.95
	JUMLAH PERATUS	632	— — — 1 12 68 129 145 167 110	210	33.23
			— — — 00.16 01.90 10.76 20.41 22.94 26.42 17.41	33.23	

RENGKASAN

Nombor	Nama Sekolah/Pusat	Jumlah Chalun Dudok	Jumlah SAP yang di-peroleh	Jumlah Lulus SAP 3-8	Peratus Lulus SAP 3-8
	Chalun Sekolah	456	2 8 15 44 64 100 128 67 28	233	51.10
	Chalun Persendirian	632	— — — 1 12 68 129 145 167 110	210	33.23
		1088	2 8 16 56 132 229 273 234 138	443	40.72

NOTA: 829 Pusat Tingkatan Enam, Gadong hanya mengambil mata-pelajaran2 tunggal sahaja.

Duduk : (dari kiri) Abdul Kadir Abg
Haji Razali (Setiausaha Sokan), Mohd Ya-
kub Ahmad (Setiausaha Kebajikan), Abdul-
lah Abdul Rahman (Setiausaha Penerangan),
Hassanan Johari Zahari (Setiausaha Agung),
Abd Hamid Haji Hitam (Naib Yang Diperta-
ua), Ak Salleh Pg Othman (Yang Dipertua),
Salmayah Haji Hussain (Naib Yang Diperta-
ua Wanita), Mohd Zain Haji Salleh (Setia-
usaha Hal Ehwaj Ugama), Abu Nipah Kura
(Setiausaha Perniagaan) dan Salamat Liman
(Setiausaha Sosial).

Susunan ranchangan MINGGUAN RADIO

RABU

PAGI: 6.00—Allah peliharaan Sultan dan Negara; 6.03—Sinaran wahyu; 6.30—Mem-bachakan susunan ranchangan,

dendang suria; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita—Suntingan hidayah/Peringatan harian—dendang suria; 8.30—Majallah radio (su); 9.00—Lagu dan senikata; 9.30—Permintaan pagi Rabu; 10.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15—Surat dari London; 10.30—Autograph pendengar; 1.00—Taman mekar (su); 11.30—Bingkisan tanah ayer (su). T/HARI: 12.00—Rampai tengah hari—Azan fardhu dzohor; 12.45—Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00—Penyanyi harapan; 1.30—Hiboran menjelang rehat.

PETANG: 2.00—Siaran berhenti rehat. 5.00—Pilihan irama; 5.30—Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45—Senandung asli; 6.00—Siri Mukkadam—Bingkisan hari ini—Menunaikan sembahyang fardhu maghrib. MALAM: 7.00—Serbanika hiboran (su); 7.30—Majallah radio—Azan fardhu isha; 8.00—Tanda Waktu dan Warta Berita—berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30—Untuk belia; 9.00—Permintaan sukaramai; 9.30—Apa pilihan awda; 10.00—Tanda Waktu dan Rengkas Berita; 10.05—Suntingan hidayah; 10.07—Bachan ayat2 suci Al-Kor'an—Do'a restu; 10.30—Siaran di-tamatkan.

KHAMIS

PAGI: 6.00—Allah peliharaan Sultan dan Negara; 6.03—Sinaran wahyu; 6.30—Mem-bachakan susunan ranchangan,

